

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
4-8	UPSKILL ATAU HANYUT DALAM GELOMBANG AI	11 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
9-10	KPT SEDIA LALUAN KHAS LULUSAN BAHARU KOLEJ KOMUNITI SAMBUNG PENGAJIAN	13 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
11-12	PROGRAM CITRA NEGARA LIBATKAN ENAM IPT, SEMAI SEMANGAT PATRIOTISME MAHASISWA	14 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
13-15	MALAYSIA CADANG HANTAR LEBIH RAMAI PELAJAR TAJAAN KE NZ	14 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
16-21	LITERASI DIGITAL BENTENG PERTAHANAN BELIA DALAM ERA AI	14 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
22-24	AHMAD ZAHID CADANG TUBUH MAJLIS PERNIAGAAN, TVET KHAS PERKASA ORANG ASLI	15 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
25-29	INSTRUMEN AI NADI BAHARU TVET UNTUK INDUSRTI MASA DEPAN	16 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
30-38	PENDIDIKAN ISLAM DALAM TVET: KE ARAH PEMBANGUNAN HUFFAZ KOMPETEN DAN HOLISTIK	16 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
39-41	KESUMA DALAM PROSES PINDA AKTA 652, PERKUKUH TVET ARAS TINGGI	17 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
42-44	KKDW LANCAR BUKU PANDUAN PELAKSANAAN AMALAN HIJAU TVET@KKDWAS	17 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
45-48	RMK13 DIJANGKA FOKUS TEKNOLOGI HIJAU, DIGITAL, PERLINDUNGAN SOSIAL	17 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
49-51	JPJ CADANG PERLUAS PEMAKAIAN TALI PINGGANG KELEDAR BAS MILIK IPT, SEKOLAH BERASRAMA PENUH	20 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
52-54	MALAYSIA PROMOSI PENDIDIKAN TINGGI DI EKSPLO 2025 OSAKA, JEPUN	22 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
55-57	PEMADAM FOKUS TANGANI ANCAMAN DADAH SINTETIK DALAM KALANGAN BELIA BERPENDIDIKAN	22 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
58-59	KPT BANGUNKAN KOD AMALAN AKREDITASI PROGRAM SELARAS KEPERLUAN INDUSTRI	23 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
60-65	SST DAN MAHASISWA: PERKASAKAN DAYA TAHAN PELAJAR DALAM ERA PENYESUAIAN EKONOMI	23 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
66-72	KEPINTARAN BUATAN (AI): ANCAMAN KERJAYA BAGI GRADUAN KOMPUTER?	25 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
73-75	MELAKA PERGIAT “KEMPEN KURANGKAN GULA”	25 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
76-77	PERMOHONAN SERTA TVET MENINGKAT KEPADA 229,000 HINGGA 12 JULAI	26 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
78-79	POLYCC DISARAN TERUS PROMOSI KAEDAH PDP GUNA TEKNOLOGI DIGITAL	27 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
80-82	KESUMA PERKASA TVET DENGAN ELEMEN AI HADAPI REVOLUSI INDUSTRI 4.0	28 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
83-84	KESIHATAN MENTAL GOLONGAN BELIA MAKIN TERJEJAS, PERLUKAN SISTEM SOKONGAN	29 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
85-87	PEMBIAYAAN PENUH UNTUK LEPASAN TVET SAMBUNG PENGAJIAN BIDANG KEUSAHAWANAN DI MSU	30 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
88-94	BENDUNG AMARAH, SAHSIAH MULIA MAHASISWA PERLU DIBENTUK	30 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
95-97	RMK13: HALA TUJU PENTING PERKASA TVET	31 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
98-100	TADBIR URUS TVET DIPERKUKUH, KADAR BEKERJA GRADUAN LEBIH 95 PERATUS	31 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
101-103	SKIM PEMBIAYAAN PERKASA TVET, DANA LATIHAN TVET DIPERKENAL GALAK PENYERTAAN BELIA	31 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
104-106	LAWATAN ZAMBRY KE JEPUN PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK	31 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE
107-109	PSAS LANCAR STESEN PENGECAS EV PERTAMA DI INSTITUSI POLITEKNIK	31 JULAI 2025	BERNAMA ONLINE

BERNAMA

11 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | UPSKILL ATAU HANYUT DALAM GELOMBANG AI



11/07/2025 10:09 AM

Pendapat mengenai pelbagai isu semasa daripada peneraju pemikiran, kolumnis dan pengarang.



Oleh :
Dr Syafila Kamarudin

Kecerdasan buatan (AI) bukan lagi satu topik sains fiksi. Ia kini menjadi sebahagian daripada realiti hidup moden – daripada telefon pintar, aplikasi perbankan, hinggalah kepada sektor perkilangan, kesihatan dan lain-lain. Namun di sebalik kemajuan ini, muncul satu persoalan besar: apakah manusia akan digantikan oleh AI? Atau mampukah manusia menyesuaikan diri dengan perubahan ini?

Jawapannya tidak terletak pada memilih antara manusia atau mesin. Sebaliknya, ia terletak pada keupayaan manusia untuk *upskill* iaitu menambah dan memperbaharui kemahiran agar terus relevan dalam dunia kerja yang semakin didorong oleh teknologi.

Bukan Lagi Isu Masa Depan, Tetapi Sekarang

Menurut laporan Forum Ekonomi Dunia, sebanyak 44 peratus kemahiran yang diperlukan dalam pekerjaan akan berubah menjelang 2027. Ini termasuk kemahiran digital, pemikiran analitik, kreativiti, penyelesaian masalah kompleks, serta kebolehan beradaptasi.

AI mula mengautomasi tugas-tugas rutin seperti pengurusan data, perkhidmatan pelanggan asas, malah sesetengah aspek dalam bidang penulisan dan kewartawanan. Apa yang dahulunya memerlukan pasukan manusia, kini boleh dilakukan oleh sistem yang cekap, pantas dan kos efektif.

Namun, ini tidak bermakna manusia akan hilang tempat sepenuhnya. Sebaliknya, peranan manusia akan beralih kepada kerja yang lebih tinggi nilai seperti membuat keputusan strategik, mengurus hubungan manusia, menyusun maklumat, serta memastikan etika dan nilai diterapkan dalam penggunaan teknologi.

Mengapa *Upskill* Itu Kritikal?

Upskill bermaksud proses menambah baik atau memperluaskan kemahiran sedia ada agar seseorang mampu mengadaptasi kepada perubahan keperluan kerja. Dalam konteks AI, ia bermakna membina kecekapan dalam penggunaan teknologi, memahami prinsip digital, serta memantapkan kemahiran insaniah yang sukar ditiru oleh mesin.

Di Malaysia, kajian TalentCorp dan Bank Negara Malaysia menunjukkan bahawa kebanyakan majikan kini mencari pekerja yang boleh 'berinteraksi dengan teknologi' – bukan semata-mata pakar teknikal, tetapi mereka yang tahu bagaimana teknologi boleh diguna untuk menyelesaikan masalah dan menambah nilai dalam tugas.

Ironinya, pekerja yang terlalu bergantung pada cara lama atau enggan mempelajari kemahiran baharu berisiko untuk ketinggalan, walaupun memiliki pengalaman bertahun-tahun dalam bidang tertentu. Ini menjadi cabaran besar bukan sahaja kepada individu, tetapi juga kepada organisasi dan negara.

Pendidikan dan Latihan Perlu Bergerak Seiring

Sistem pendidikan formal perlu seiring dengan keperluan masa hadapan. Kursus universiti tidak boleh terlalu terikat pada silibus lama yang tidak lagi mencerminkan kehendak industri. Institusi pengajian tinggi mesti lebih responsif, fleksibel dan terbuka kepada pembelajaran modular, microcredential, serta kolaborasi dengan sektor teknologi.

Latihan kemahiran digital, kecekapan analitik, pengaturcaraan asas serta penggunaan AI dalam pekerjaan harian perlu diberi penekanan yang lebih serius dalam sistem pendidikan dan latihan sedia ada. Dalam masa yang sama, kemahiran insaniah seperti komunikasi, empati, kepimpinan dan pemikiran etika juga perlu terus diperkasakan – kerana inilah nilai tambah manusia yang sukar digantikan oleh mesin.

Dunia Pekerjaan Bukan Tentang Sama Ada, Tetapi Sama-Sama

Persoalan popular yang sering timbul: Adakah AI akan merampas pekerjaan manusia? Jawabannya: ya dan tidak.

Ya – dalam erti kata bahawa tugas berulang dan rutin akan semakin diganti oleh sistem automasi. Tetapi tidak – kerana akan wujud pekerjaan baharu yang memerlukan kebijaksanaan manusia untuk melatih, menyelia dan memperhalusi sistem AI. Contohnya, jurutera pembelajaran mesin, penganalisis etika AI, pereka pengalaman pengguna, dan pakar data.

Namun, semua pekerjaan baharu ini menuntut kemahiran yang tidak semestinya dimiliki oleh semua orang. Maka, di sinilah *upskilling* menjadi agenda paling penting supaya dapat mengelakkan ramai individu tersisih dalam revolusi teknologi ini.

Tanggungjawab Bersama: Individu, Majikan dan Negara

Proses *upskill* tidak boleh diletakkan di bahu individu semata-mata. Ia memerlukan kerjasama menyeluruh antara majikan, kerajaan, institusi latihan dan masyarakat. Majikan perlu menyediakan peluang latihan dan penyesuaian tugas. Kerajaan perlu menambah insentif kepada syarikat dan rakyat yang mahu mengikuti kursus kemahiran baharu. Sementara itu, individu pula mesti bersedia untuk belajar semula dan belajar sepanjang hayat (*lifelong learning*).

Di Malaysia, beberapa inisiatif seperti program e-LATiH oleh HRD Corp dan pelbagai kursus digital oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) adalah langkah ke hadapan. Namun, penyertaan masih rendah terutamanya dalam kalangan golongan pertengahan dan dewasa bekerja. Mentaliti “saya sudah tahu” perlu diubah menjadi “saya mahu terus belajar”.

AI Bukan Pengganti, Tetapi Peluang

Kita tidak dapat menghalang kemajuan teknologi. Namun, kita boleh memilih sama ada mahu kekal statik atau bergerak seiring. Dalam dunia yang semakin dikuasai oleh AI, manusia masih ada kelebihan – tetapi hanya jika kita bersedia membina keupayaan baharu.

Upskilling bukan satu pilihan lagi. Ia sudah menjadi keperluan mendesak. Sama ada kita pekerja, pelajar, usahawan atau penjawat awam – dunia digital akan terus berkembang. Mereka yang cekap membaca perubahan, pantas belajar, dan berani mencuba perkara baharu akan terus berdiri teguh, bukan hanya dalam kerjaya, tetapi dalam menyumbang kepada kemajuan masyarakat dan negara.

-- BERNAMA

BERNAMA

13 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | KPT SEDIA LALUAN KHAS LULUSAN BAHARU KOLEJ KOMUNITI SAMBUNG PENGAJIAN

KPT Sedia Laluan Khas Lulusan Baharu Kolej Komuniti Sambung Pengajian

🕒 13/07/2025 02:08 PM



Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir --fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyediakan laluan khas kepada lulusan baharu Kolej Komuniti untuk melanjutkan pengajian ke peringkat politeknik dan universiti dalam bidang teknikal.

Menteri berkenaan Datuk Seri Zambry Abdul Kadir berkata ia bagi menyediakan laluan kerjaya lebih baik kepada lulusan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) selepas menamatkan pengajian di Kolej Komuniti.

"Kalau dulu mungkin mereka terpaksa memohon masuk hanya ke universiti teknikal tetapi hari ini kita mempunyai ruang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi (di universiti dan politeknik lain) berdasarkan kelulusan, kelayakan dan kursus yang mereka ikuti," katanya.

Zambry yang juga Ahli Majlis Tertinggi UMNO berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Setiawangsa Tahun 2025 di sini hari ini.

KPT juga memperkenalkan dasar baharu untuk melihat semula keberkesanan Kolej Komuniti dalam melatih tenaga mahir tempatan dengan memastikan kursus yang ditawarkan memenuhi keperluan semasa.

Beliau berkata KPT juga sedang menilai keperluan untuk mewujudkan Kolej Komuniti di kawasan bandar.

Terdahulu, Ketua UMNO Bahagian Setiawangsa Datuk Seri Dr Izudin Ishak dalam ucapan aluan memohon supaya institusi pendidikan diwujudkan di kawasan Setiawangsa, sekurang-kurangnya sebuah Kolej Komuniti untuk menjadi pemangkin pembangunan modal insan, khususnya untuk golongan belia.

-- BERNAMA

BERNAMA

14 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | PROGRAM CITRA NEGARA LIBATKAN ENAM IPT, SEMAI SEMANGAT PATRIOTISME MAHASISWA

Program Citra Negara Libatkan Enam IPT, Semai Semangat Patriotisme Mahasiswa

🕒 14/07/2025 08:33 PM



KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Program Citra Negaraku 2025 yang melibatkan enam Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bermatlamat memperkuat nilai-nilai kenegaraan dan menyemai semangat patriotisme dalam kalangan mahasiswa.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata IPT yang terlibat dalam program bertemakan "Menjiwai Rukun Negara" itu terdiri daripada UCSI College, Institusi Pendidikan Guru (IPG) Kampus Ipoh, Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail, Universiti College Tati (UC TATI), Kolej Geomatika Keningau dan Universiti Putra Malaysia Sarawak.

Beliau berkata setiap IPT tersebut diberikan peruntukan RM20,000 untuk menjalankan aktiviti merangkumi empat pengisian utama iaitu Bicara Perpaduan, Ekspresi Perpaduan, Sekretariat Rukun Negara (SRN) Prihatin dan Jejak Rukun Negara.

"Program ini adalah seiring dengan usaha untuk meningkatkan penghayatan dan pengamalan terhadap cita-cita dan prinsip-prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian sebagai asas kepada kestabilan dan keharmonian negara," katanya dalam majlis pelancaran program berkenaan, di sebuah hotel di sini, hari ini.

Menurutnya program itu juga bertujuan melatih mahasiswa sebagai penggerak utama dasar perpaduan negara.

Sementara itu, Aaron dalam kenyataan turut memaklumkan hasrat kementerian untuk memperluas pelaksanaan program tersebut kepada semua 193 Sekretariat Rukun Negara di seluruh negara menjelang tahun depan.

Beliau berkata Kementerian Perpaduan Negara percaya mahasiswa hari ini mampu mengangkat semangat kenegaraan dan menyemai perpaduan dalam tindakan menerusi dialog, kolaborasi rentas kaum serta penglibatan dalam isu-isu sosial.

"Komitmen ini perlu diteruskan agar perpaduan bukan sekadar slogan, tetapi menjadi budaya hidup yang terpahat dalam sanubari setiap rakyat Malaysia," menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

BERNAMA

14 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | MALAYSIA CADANG HANTAR LEBIH RAMAI PELAJAR TAJAAN KE NZ

Malaysia Cadang Hantar Lebih Ramai Pelajar Tajaan Ke NZ – TPM Ahmad Zahid

🕒 14/07/2025 05:25 PM



Daripada Ahmad Erwan Othman

AUCKLAND, 14 Julai (Bernama) -- Malaysia bersedia menambah 100 lagi pelajar tajaan Majlis Amanah Rakyat (MARA) ke New Zealand susulan sekatan penempatan pelajar tajaan di Amerika Syarikat.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata beberapa universiti di New Zealand, telah menyatakan kesediaan menerima pelajar Malaysia, sejajar dengan usaha kerajaan memperluas destinasi pendidikan luar negara yang lebih kompetitif dan berdaya saing.

"Beberapa universiti di New Zealand telah menawarkan tempat kepada pelajar tajaan MARA dan mungkin juga tajaan daripada Petronas dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan agensi lain.

"Saya telah meletakkan KPI (petunjuk prestasi utama) kepada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di New Zealand (Mazita Marzuki), untuk menjayakan usaha ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sesi libat urus Majlis Perniagaan ASEAN-New Zealand (ANZBC), di sini hari ini.

Ahmad Zahid berkata pada ketika ini, terdapat 690 pelajar Malaysia berada di New Zealand, jauh lebih rendah berbanding dahulu, antara lain disebabkan tawaran kursus yang lebih meluas di dalam negara serta peningkatan kos pengajian di luar negara.

"Saya berharap perkembangan baharu ini, akan meningkatkan semula jumlah pelajar Malaysia di sini," katanya.

Mengulas usaha menarik pelajar New Zealand ke Malaysia, Ahmad Zahid berkata ketika ini hanya 20 pelajar New Zealand sedang melanjutkan pengajian di Malaysia.

Beliau berkata usaha tersebut perlu dipergiat menerusi penawaran kursus jangka pendek antara tiga hingga enam bulan, dengan kerjasama institusi seperti Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM).

"Jika ada tajaan daripada agensi dan kerajaan New Zealand, kita boleh ambil lebih ramai pelajar (mereka) terutamanya dalam bidang teknikal dan Pendidikan Dan Latihan Teknikal & Vokasional (TVET)," katanya.

Ahmad Zahid berkata ketika ini terdapat enam universiti teknikal di bawah Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN), yang diiktiraf Majlis TVET Negara dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), sebagai antara pilihan utama pelajar asing yang berminat dalam pendidikan teknikal.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa TVET Negara, turut menekankan potensi kerjasama dalam bidang teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui, yang merupakan kekuatan utama New Zealand dengan 87 peratus tenaga negara itu dijana daripada sumber tenaga boleh diperbaharui.

"Bidang ini penting untuk pelajar kejuruteraan kita. Malaysia sudah mula memfokuskan kepada tenaga hijau, tetapi pendedahan kepada teknologi baharu seperti di sini amat diperlukan," katanya.

Ahmad Zahid berkata Malaysia boleh menjadi rakan strategik dalam perkongsian bidang teknologi, memandangkan negara memiliki 1,398 institusi TVET yang merangkumi pelbagai sektor dan berada di bawah seliaan 17 kementerian.

Sehubungan itu beliau menyarankan agar program pertukaran pelajar diaktif semula dengan sokongan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di New Zealand, bagi memperincikan bidang pengajian yang sesuai.

Ahmad Zahid kini dalam rangka lawatan kerja lima hari ke New Zealand bermula hari ini, sebagai komitmen berterusan kerajaan untuk memperkukuh hubungan dua hala yang telah terjalin erat selama 68 tahun.

Lawatan itu turut memberi fokus kepada penerokaan kerjasama strategik dalam pelbagai bidang termasuk pertahanan, pertanian, pendidikan dan industri halal.


-- BERNAMA

BERNAMA

14 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | LITERASI DIGITAL BENTENG PERTAHANAN BELIA DALAM ERA AI

Literasi Digital Benteng Pertahanan Belia Dalam Era AI



File photo

14/07/2025 10:57 AM

Oleh Sharran Loganadzan

Transformasi digital yang pesat mendedahkan kerentanan baharu. Ia termasuk lonjakan mendadak dalam penggunaan kecerdasan buatan (AI), automasi pintar, dan jaringan maklumat tanpa sempadan. Malaysia turut melangkah ke hadapan dengan memperkenalkan pelbagai dasar dan inisiatif seperti Dasar Pendidikan Digital, Pelan Induk AI Kebangsaan (Malaysia AI Road Map 2021–2025), penubuhan Pejabat AI Kebangsaan (NAIO) serta program-program berimpak tinggi seperti Belia Mahir Digital dan MyDigitalMaker. Namun, kemajuan teknologi ini turut hadir dengan cabaran baharu yang semakin kompleks dan yang paling terkesan ialah golongan belia.

Celik Teknologi, Bijak Menilai

Ini kerana, golongan belia umumnya mempunyai akses yang lebih luas kepada teknologi dan kemahiran digital berbanding kumpulan umur lain. Dengan bilangan pengguna Internet yang semakin meningkat, keupayaan membezakan fakta daripada fiksi kini menjadi kemahiran penting. Atas dasar kesedaran ini, literasi digital bukan lagi kemahiran tambahan, tetapi keperluan asas. Tanpa kefahaman yang kukuh tentang etika digital, keselamatan siber, dan implikasi AI, belia akan menjadi pengguna pasif, mudah dipengaruhi oleh maklumat palsu, eksploitasi data peribadi dan manipulasi algoritma. Dalam mendepani masyarakat pintar 5.0, kita bukan hanya memerlukan belia yang celik teknologi, tetapi juga bijak menilai, bertindak dan beretika dalam dunia digital. Pada pengamatan penulis, golongan belia perlu berani tampil sebagai barisan hadapan dan menjadi pemimpin dalam memerangi maklumat palsu melalui program literasi media dan pembudayaan inovasi teknologi.

Pembangunan Belia

Statistik terkini jelas memaparkan potensi besar yang dimiliki oleh lapan kumpulan sasaran belia Malaysia bertepatan dengan Dasar Belia Malaysia. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2024), sebanyak 84 peratus belia Malaysia menggunakan Internet dan telefon pintar setiap hari, manakala 48 peratus menyatakan minat untuk menjadikan bidang teknologi sebagai kerjaya utama. Tamsilnya, sebagai pereka perisian, penganalisis data, pakar keselamatan siber dan jurutera kecerdasan buatan.

Senario ini menunjukkan keterbukaan dan kesediaan mereka untuk menyertai ekonomi digital. Lebih menarik, tiga daripada lima syarikat pemula AI di Malaysia (NexMind, Kommu dan Aigro) diasaskan oleh belia di bawah usia 35 tahun, sekali gus membuktikan daya keusahawanan dan kreativiti generasi muda. Sehingga kini, lebih 36,000 belia telah dilatih dalam bidang teknologi melalui pelbagai inisiatif kerajaan.

Sasaran lebih besar pula diletakkan melalui pendekatan 'Whole-of-Government' iaitu melahirkan 100,000 tenaga mahir AI menjelang 2030. Tegasnya, semua prakarsa ini membuka ruang besar untuk pembangunan belia secara positif, namun ia juga menuntut pengukuhan nilai dan prinsip dalam dunia digital.

Pelan Tindakan Literasi Digital, Belia Madani

Majlis Belia Malaysia (MBM) dalam Konvensyen Belia Digital 2025 menyifatkan transformasi ini sebagai satu "lonjakan paradigma" bukan hanya dari aspek teknikal, tetapi juga nilai kemanusiaan. Seiring kemajuan teknologi, belia harus memiliki "kompas moral digital" yang jelas. Ini termasuklah aspek keselamatan siber, privasi data, tanggungjawab sosial dalam media digital, serta keupayaan untuk mengenal pasti maklumat palsu.

Sebagai kesinambungannya, penganjuran aneka program literasi digital oleh badan-badan gabungan MBM seperti Majlis Kelab Bell Belia Tamil Malaysia (MKBBTM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Junior Chamber International (JCI Malaysia) dan Majlis Belia Negeri (MBN), menagih komitmen dari pelbagai pihak sehingga akar umbi.

Penulis mencadangkan agar satu "Pelan Tindakan Literasi Digital, Belia Madani" dibangunkan secara inklusif dengan penglibatan langsung belia pelbagai latar belakang, termasuk dari kawasan luar bandar dan komuniti minoriti. Pelan ini harus merangkumi modul literasi digital berasaskan nilai, pembangunan bakat AI secara etika, serta garis panduan keselamatan siber yang mudah diakses oleh golongan belia.

Kempen Internet Selamat

Bukan itu sahaja, Rukun Negara, yang selama ini menjadi panduan kepada keharmonian negara, kini wajar diterjemahkan dalam ruang digital. Prinsip seperti "Kesopanan dan Kesusilaan" atau "Keluhuran Perlembagaan" bukan hanya untuk kehidupan nyata, tetapi perlu diangkat ke alam maya. Misalnya, tidak menyebarkan fitnah, tidak membuli siber, serta menghormati perbezaan pandangan dalam media sosial merupakan cerminan nilai Rukun Negara versi digital. Inisiatif seperti Kempen Internet Selamat (KIS) yang digerakkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) adalah contoh usaha mempraktikkan prinsip Rukun Negara dalam konteks digital. KIS menekankan aspek keselamatan, kewaspadaan, dan tanggungjawab dalam penggunaan internet, sejajar dengan objektif Rukun Negara. Program ini telah berjaya meningkatkan kesedaran tentang penggunaan teknologi secara beretika dan selamat, sekali gus mengukuhkan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat digital Malaysia.

Literasi Digital Benteng Pertahanan

Kenyataan ini turut diakui oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan Adam Adli Abdul Halim dalam ucapannya sempena pelancaran Hari Belia Negara 2025, yang menyeru belia untuk menjadi “pengamal dan pemimpin yang beretika dan berjiwa rakyat” dalam ekosistem digital. Beliau menegaskan bahawa “AI tidak menggantikan manusia, tetapi memperkukuh keupayaan insan.” Perkara ini senada dengan aspirasi Malaysia Madani yang diterjemahkan di dalam dokumen Model Pembangunan Belia Madani 2030 (MPBM) iaitu teknologi bukan menggantikan, tetapi memperkasa kehidupan manusia. Belia Malaysia mesti bersedia memegang peranan sebagai peneraju perubahan. Literasi digital adalah benteng pertahanan pertama dalam dunia yang sarat dengan maklumat, pengaruh dan cabaran siber. Kita tidak boleh membiarkan generasi ini terapung tanpa arah dalam lautan digital yang luas. Sebaliknya, kita harus membimbing mereka menjadi pelayar yang cekap, beretika, dan berpanduan nilai kebangsaan.

Kesimpulannya, era AI dan Masyarakat 5.0 bukan sekadar tentang robot, algoritma dan inovasi canggih. Ia tentang membina masyarakat yang bijak, berjiwa besar dan tidak lupa akar nilai kemanusiaan. Tuntas, di tengah-tengahnya, berdirilah belia sebagai penghubung antara teknologi dan tanggungjawab, antara data dan nilai, antara masa kini dan masa depan.

-- BERNAMA

BERNAMA

15 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | AHMAD ZAHID CADANG TUBUH MAJLIS PERNIAGAAN, TVET KHAS PERKASA ORANG ASLI

Ahmad Zahid Cadang Tubuh Majlis Perniagaan, TVET Khas Perkasa Orang Asli

🕒 15/07/2025 04:10 PM



--fotoFB Zahid Hamidi

ROTORUA (New Zealand), 15 Julai (Bernama) -- Sebuah Majlis Perniagaan Orang Asli dan institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) khas dicadangkan untuk ditubuhkan bagi memperkasakan ekonomi komuniti itu, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata inisiatif berkenaan adalah sebahagian daripada lima cadangan utama diilhamkan hasil pencapaian komuniti Maori di New Zealand yang dilihat berjaya memperkasakan masyarakat pribumi mereka ke tahap membanggakan.

"Saya akan mengadakan mesyuarat khusus dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi membincangkan penubuhan Majlis Perniagaan Orang Asli.

"Kita juga akan mempertimbangkan sebuah institusi TVET melibatkan pelbagai bidang kemahiran yang boleh melahirkan teknopreneur dalam kalangan Orang Asli," katanya pada sidang media selepas menghadiri Sesi Meja Bulat bersama pemimpin perniagaan komuniti Maori, di sini hari ini.

Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah yang dalam lawatan kerja lima hari ke New Zealand itu meneruskan program hari keduanya hari ini dengan mengunjungi Rotorua, sebuah bandar pelancongan berasaskan budaya dan geoterma terletak kira-kira tiga jam dari Bandar Auckland.

Ahmad Zahid berkata kerajaan turut bercadang menubuhkan sektor khusus dalam Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) untuk menyediakan kemudahan pinjaman mikro kepada kaum ibu dalam komuniti Orang Asli bagi membantu mereka menjana pendapatan sampingan.

"Pada hemat saya, khususnya untuk kaum ibu masyarakat Orang Asli, kita mahu mereka ini menjana pendapatan dan meningkatkan taraf ekonomi keluarga. Ini boleh kita pelajari hasil lawatan di sini," katanya.

Selain itu, beliau berkata usaha meningkatkan penyertaan anak Orang Asli ke institusi pengajian tinggi kini turut diberi penekanan sewajarnya.

"Pada 2023, kita sasarkan 300 kemasukan dan mereka berjaya melepasi angka itu. Sasaran 400 pada 2024 juga telah dicapai.

"Alhamdulillah, tahun ini lebih 500 Orang Asli berjaya melanjutkan pengajian ke IPT. Insya-Allah angka ini akan terus dipertingkatkan," kata beliau yang menambah satu lagi cadangan ialah meminda perundangan untuk Orang Asli.

Ahmad Zahid berkata usaha berkenaan jika diberi tumpuan, dapat meningkatkan mobiliti sosial Orang Asli, bukan sahaja dalam bentuk meluas tetapi juga ke tahap lebih tinggi, khususnya dalam bidang pendidikan.

Beliau berkata pelaksanaan kelima-lima cadangan tersebut akan dipantau oleh Jawatankuasa Pembangunan Orang Asli yang dipengerusikan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat Datuk Dr Ramli Mohd Nor.

"Saya akan memberikan punca kuasa kepada jawatankuasa ini agar dapat memantau dan merealisasikan syor yang kita pelajari daripada lawatan ke atas komuniti Maori ini," katanya.

Dalam lawatan kerja itu, Ahmad Zahid bersama delegasi turut melawat perkampungan budaya *Whakarewarewa Living Maori Village* serta ladang ternakan biri-biri dan tenusu, *Onuku Farm*, bagi meninjau amalan terbaik dalam industri pertanian dan ternakan yang boleh dicontohi serta diadaptasi untuk manfaat sektor luar bandar di Malaysia.


-- BERNAMA

BERNAMA

16 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | INSTRUMEN AI NADI BAHARU TVET UNTUK INDUSRTI MASA DEPAN

Instrumen AI Nadi Baharu TVET Untuk Industri Masa Depan



Malaysia kini berada dalam fasa kritikal untuk mempercepat pembangunan teknologi dan bakat dalam bidang kecerdasan buatan (AI) dan sistem instrumentasi pintar, seiring dengan aspirasi negara ke arah hab teknologi ASEAN menjelang 2030. Gabungan kecerdasan buatan dan sistem instrumentasi pintar yang mengintegrasikan sensor, pemproses data, komunikasi masa nyata dan AI semakin menjadi tulang belakang kepada operasi industri moden, menjangkau bidang tenaga, kesihatan, pembuatan, pertanian dan logistik. Justeru, keperluan untuk melahirkan tenaga pakar dalam bidang ini amat mendesak.

Instrumen AI Nadi Revolusi Teknologi Negara

Menurut laporan World Economic Forum (2020), menjelang 2025, lebih 50 peratus struktur kerja global dijangka dipengaruhi oleh AI dan automasi. Malaysia melalui Dasar Revolusi Industri Keempat (4IR) dan Pelan MyDIGITAL telah meletakkan AI dan teknologi pintar sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi masa depan .

Namun, jurang utama yang dikenal pasti ialah kekurangan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam instrumentasi pintar dan sistem kawalan berasaskan AI. Merujuk kepada laporan TalentCorp & Bank Negara, beberapa bidang pengkhususan yang menyenaraikan bidang AI, automasi, dan kejuruteraan sebagai bidang kritikal yang memerlukan intervensi pendidikan tinggi dan TVET. Ini membuka peluang kepada institusi pengajian tinggi dan TVET untuk memainkan peranan strategik dalam melahirkan tenaga mahir yang kompeten dan berdaya saing global dalam bidang ini.

Aplikasi AI Dalam Industri Satu Keperluan, Bukan Lagi Pilihan

1. Pemantauan Masa Nyata: Dalam industri tenaga, sistem AI dapat mengesan suhu dan tekanan secara serta-merta, membolehkan intervensi awal bagi mengelakkan kerosakan kritikal.
2. Penyelenggaraan Ramalan (*Predictive Maintenance*): AI menganalisis data daripada sensor untuk menjangka kerosakan mesin, mengelakkan *downtime* dan menjimatkan kos.
3. Kawalan Kualiti Automatik: AI memantau parameter seperti suhu atau tekanan semasa pengeluaran untuk menjamin piawaian produk dipatuhi.
4. Keselamatan Pekerja: Sensor pintar digunakan dalam persekitaran berbahaya bagi mengesan gas toksik atau suhu ekstrem, lalu mencetuskan amaran automatik.
5. Pengurusan Inventori dan Rantaian Bekalan: Gabungan sistem Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) dan AI membolehkan pengurusan stok masa nyata, meningkatkan kecekapan logistik dan pengedaran.

Gabungan ini bukan sahaja mempercepat proses automasi, malah meningkatkan inovasi, keselamatan, dan keberkesanan operasi dalam semua sektor utama negara.

Pendidikan Tinggi dan TVET Sebagai Pemangkin Kepakaran Negara

Institusi pengajian tinggi, khususnya yang bernaung di bawah rangkaian Malaysia Technical University Network (MTUN), telah tampil proaktif dalam memperkasa pembangunan bakat dan kepakaran dalam bidang instrumentasi pintar dan kecerdasan buatan (AI). Pelbagai inisiatif akademik dan penyelidikan telah dilaksanakan antaranya program Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Instrumentasi dan Kawalan), program Sarjana Teknologi Maklumat (Kepintaran Buatan), kursus pendek dan mikro-kredensial dalam bidang kecerdasan buatan dan pembelajaran mesin, program Sarjana Internet of Things (IoT) serta penyelidikan berteraskan industri dalam sistem tomografi pintar, pemantauan gas bersepadu dan pertanian moden berasaskan teknologi pintar.

Melalui Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), universiti-universiti teknikal ini turut giat melaksanakan penyelidikan berimpak tinggi yang merentasi pelbagai sektor, termasuk industri, pertanian mampan, dan kesejahteraan komuniti luar bandar. Inisiatif ini sejajar dengan aspirasi negara melalui kerangka Malaysia MADANI dan prinsip *Environmental, Social and Governance* (ESG), yang menekankan keseimbangan pembangunan ekonomi dengan kemampanan alam sekitar dan kesejahteraan sosial.

Kolaborasi Strategik Kunci Kejayaan Ekosistem

Bagi menjamin kelangsungan dan keberkesanan sistem ini, kerjasama erat antara universiti, agensi TVET, industri dan kerajaan perlu diperkukuh. Antaranya melalui latihan industri dan pensijilan bersama industri, projek AI berasaskan keperluan sebenar industri dan program *Double-Degree* seperti 2U2i, 3U1i dan WBL (*Work Based Learning*) untuk tenaga mahir TVET. Model seperti ini perlu digiatkan agar tenaga mahir Malaysia bukan sahaja boleh mengendalikan teknologi, tetapi juga menjadi pencipta dan penyelesaian masalah teknologi kompleks.

Menjadi Hab Teknologi ASEAN

Aspirasi Malaysia untuk menjadi hab teknologi ASEAN bukan lagi sekadar impian. Dengan pelaburan bersasar dalam R&D, pendidikan dan pembangunan bakat, negara mampu melonjak menjadi pencipta teknologi AI tersendiri, bukan hanya sebagai pengguna. Instrumen AI dan sistem pintar berperanan bukan sekadar memperkasa operasi industri, tetapi juga membina kedaulatan digital negara dalam menghadapi ekonomi global yang semakin mencabar.

Kesimpulannya, kini adalah waktu yang tepat untuk mempercepat usaha melahirkan tenaga pakar AI dan instrumentasi pintar melalui sistem pendidikan tinggi dan TVET yang responsif, adaptif dan berinovasi tinggi dalam menyokong naratif dasar 4IR dan hala tuju strategik Malaysia dalam pembangunan teknologi industri dan AI. Malaysia mesti bertindak pantas dan berani. Hanya dengan melahirkan pakar teknologi buatan tempatan, kita mampu mengemudi arus teknologi global dengan identiti dan keupayaan tersendiri.

--BERNAMA

BERNAMA

16 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | PENDIDIKAN ISLAM DALAM TVET: KE ARAH PEMBANGUNAN HUFFAZ KOMPETEN DAN HOLISTIK

Pendidikan Islam Dalam TVET: Ke Arah Pembangunan Huffaz Kompeten Dan Holistik



File photo

16/07/2025 11:04 AM

Pendapat mengenai pelbagai isu semasa daripada peneraju pemikiran, kolumnis dan pengarang.

Oleh Nurul Nisha Mohd Shah dan Mohd Radzman Basinon

Pendidikan Islam dan TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional) sering dianggap sebagai dua aliran berbeza; satu menekankan pembinaan rohani dan ilmu agama, manakala satu lagi memberi fokus kepada kemahiran teknikal dan vokasional. Namun, di Malaysia kedua-dua bidang ini semakin diintegrasikan bagi melahirkan modal insan holistik yang bukan sahaja berpengetahuan agama tetapi juga memiliki kemahiran pekerjaan.

Usaha kerajaan Malaysia memperkasakan golongan huffaz (penghafal al-Quran) dengan kemahiran teknikal adalah sebahagian daripada pendekatan ini. Misalnya, kerajaan telah melancarkan inisiatif Tahfiz-TVET Malaysia pada Mac 2022 iaitu satu model latihan yang membentuk laluan kerjaya bagi pelajar tahfiz serta meningkatkan kebolehpasaran graduan tahfiz dalam pelbagai bidang TVET. Integrasi ini selari dengan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) - menekankan pendidikan tahfiz seiring dengan arus perdana, tanpa mengabaikan identiti dan nilai Islamiah.

Kerjasama Dua Agensi, Gabung TVET Dalam Pendidikan Islam

Usaha menggabungkan TVET dalam pendidikan Islam telah dipelopori melalui kerjasama agensi kerajaan. Sejak tahun 2015, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia telah membangunkan kerangka latihan kemahiran di institusi tahfiz. Program perintis dilaksanakan di Darul Quran JAKIM melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) iaitu pelajar tahfiz mengikuti latihan kemahiran teknikal di samping pengajian al-Quran.

Kemuncak kerjasama ini ialah pada Majlis Pelancaran Tahfiz-TVET di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) Shah Alam pada 16 Mac 2022. Inisiatif ini bertujuan menyediakan platform agar lepasan tahfiz mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diiktiraf serta melahirkan tenaga kerja kompeten berlandaskan piawaian kemahiran kebangsaan. Pendekatan ini didukung oleh DPTN 2.0 yang antara lain menyarankan mewujudkan model institusi tahfiz yang mengintegrasikan latihan kemahiran sebagai kesinambungan Pelan Tindakan DPTN 2016-2020.

Dari segi pelaksanaan, Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) pada 2020 telah mencadangkan lebih banyak pusat bertauliah menawarkan program TVET berteraskan Islamik. Hasilnya, sehingga 31 Oktober 2020, sebanyak sembilan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skill Standard* - NOSS) berkaitan Pengurusan Tahfiz, Pengajaran Tahfiz dan Pengurusan Masjid telah dibangunkan dan latihan kemahiran berdasarkan NOSS telah dilaksanakan di 22 pusat bertauliah seluruh negara.

Program kemahiran ini dijalankan melalui platform Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) dan juga melalui pendekatan SLDN bagi memastikan pelajar memperoleh latihan secara sistematik di institusi serta di tempat kerja sebenar. Di samping itu, kerajaan turut menyasarkan pertambahan pusat latihan kemahiran berhampiran sekolah tahfiz, bagi memudahkan penyertaan lebih ramai pelajar tahfiz termasuk dari kawasan luar bandar dan golongan B40. Langkah ini memperlihatkan komitmen pihak berkuasa untuk menjadikan pendidikan Islam sebahagian daripada kerangka TVET arus perdana.

NOSS Memperkukuh Fungsi Institusi Agama

Antara fokus integrasi TVET dalam pendidikan Islam adalah meningkatkan kecekapan pengurusan institusi agama seperti maahad tahfiz, sekolah agama dan masjid melalui penggunaan NOSS. Ia berfungsi sebagai piawaian kompetensi kebangsaan yang menerangkan kemahiran, pengetahuan, dan tugas yang perlu dikuasai bagi sesuatu pekerjaan. Dalam konteks institusi agama, NOSS yang dibangunkan (misalnya Pengurusan Masjid Tahap 3, 4, 5 dan Pengurusan Tahfiz Tahap 3, 4, 5) membantu menyeragamkan latihan dan kelayakan bagi jawatan seperti pentadbir masjid, imam, mudir tahfiz dan tenaga pengajar.

Apabila piawaian kompetensi jelas ditetapkan maka institusi agama dapat melatih dan mengambil kakitangan yang benar-benar kompeten mengikut piawaian tersebut. Situasi ini menjadikan pengurusan lebih efisien dan produktif kerana setiap petugas memahami peranan dan tanggungjawab secara profesional.

Penggunaan NOSS dalam latihan pengurusan institusi agama membawa banyak manfaat praktikal. Sebagai contoh, NOSS Pengurusan Masjid merangkumi pelbagai aspek daripada pengimarahkan masjid, penyelenggaraan prasarana, pengajaran ilmu fardu ain kepada masyarakat sehinggalah kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan pentadbiran kewangan masjid. Melalui kurikulum berstruktur ini, pengurus masjid dilatih secara menyeluruh iaitu bukan sahaja pandai mengajar dan memimpin ibadah, tetapi juga cekap mengurus operasi harian masjid, aset, dan aktiviti kemasyarakatan.

Program latihan sedemikian bertujuan melahirkan modal insan yang mampu menjadi pengurus dan pentadbir yang menggerakkan serta mengembangkan fungsi masjid sebagai institusi pembinaan ummah yang berkualiti dan berjiwa Rabbani. Oleh itu, dengan adanya kemahiran profesional seperti pengurusan fasiliti, etika kerja berkualiti dan komunikasi berkesan di samping pengaplikasian ilmu agama maka institusi seperti masjid dan sekolah agama dapat diurus secara sistematik. Hasilnya, kualiti perkhidmatan kepada masyarakat setempat akan meningkat. Sebagai contoh, rekod pentadbiran masjid akan menjadi lebih teratur, program dirancang mengikut keperluan masyarakat dan aset masjid diselenggara dengan baik. Keadaan ini pastinya akan memaksimumkan potensi institusi agama sebagai pusat pembangunan rohani dan sosial.

Cerita Kejayaan yang Semakin Jelas

Pendekatan TVET berasaskan kompetensi amat menekankan penilaian holistik terhadap *Attitude* (Sikap), *Skills* (Kemahiran) dan *Knowledge* (Pengetahuan) atau ASK. Berdasarkan konteks integrasi pendidikan Islam dan TVET, hasil pembelajaran para pelajar dinilai bukan sekadar pada pencapaian akademik atau hafazan tetapi melalui perubahan dan peningkatan dalam ketiga-tiga aspek ASK. Kompetensi didefinisikan sebagai gabungan elemen *tahu buat*, *boleh buat* dan *nak buat*. Hal ini bermaksud seseorang itu dianggap kompeten apabila dia tahu buat (mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang sesuatu tugas atau bidang), boleh buat (mempunyai kemahiran praktikal untuk melaksanakan tugas tersebut dengan standard yang ditetapkan) serta nak buat (mempunyai sikap positif, minat, dan kesediaan melaksanakan tugas berkenaan).

Dalam konteks program Tahfiz-TVET, *Knowledge* merangkumi pengetahuan agama yang kukuh serta teori kemahiran vokasional yang dipelajari (seperti teori elektrik atau prinsip automotif). *Skills* pula diperolehi melalui latihan amali, sebagai contoh, pelajar tahfiz mempelajari kemahiran membaiki sistem elektrik, penyaman udara, atau motor kecil di bengkel bertaualiah. *Attitude* pula diterapkan melalui disiplin latihan industri dan adab dalam pendidikan Islam seperti pelajar diasuh dengan nilai amanah, etika kerja Islamiah, dan semangat khidmat kepada masyarakat.

Penilaian akhir biasanya dilakukan secara pentaksiran berasaskan kompetensi iaitu pelajar perlu membuktikan kebolehan praktikal mereka (contohnya membaiki peralatan elektrik di hadapan penilai), lulus ujian teori dan menunjukkan sikap profesional seperti kerjasama dan kepatuhan kepada prosedur keselamatan. Pelajar hanya layak dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia atau Diploma Kemahiran Malaysia yang berkaitan apabila mereka berjaya mencapai tahap standard pada ketiga-tiga komponen ini. Pendekatan ASK ini pastinya mampu menghasilkan graduan yang berkualiti iaitu bukan hanya berpengetahuan dan berkemahiran, malah berdaya tahan, berdisiplin serta berakhlak mulia, selaras dengan matlamat pendidikan Islam itu sendiri.

Integrasi Pendidikan Islam dalam kerangka TVET mula menampakkan hasil melalui beberapa program rintis dan institusi yang berjaya. Darul Quran JAKIM merupakan perintis pelaksanaan program diploma tahfiz yang disepadukan latihan kemahiran sejak 2015. Terdapat banyak lagi institusi tahfiz awam dan swasta menyahut seruan ini. Berdasarkan data sehingga tahun 2020, sebanyak 22 pusat bertauliah di seluruh Malaysia termasuk institut latihan kemahiran dan pusat tahfiz menawarkan program kemahiran berteraskan Islam.

Contohnya, Tahfiz Vokasional Ahmadiyah di Kedah merupakan antara institusi tahfiz swasta yang menjadi pusat bertauliah, menawarkan latihan kemahiran vokasional kepada para pelajar tahfiz. Begitu juga, Institut Kemahiran Islam Darul Ridzuan (IKDAR) di Perak telah membuka cawangan di Sabah untuk melatih pelajar tahfiz dalam bidang kemahiran tertentu.

Di peringkat institusi tinggi, International Islamic College (IIC) turut menawarkan program Sijil Kemahiran Malaysia dalam Pengurusan Masjid (Tahap 3), yang mensyaratkan pelajarnya menghafaz sejumlah juzuk al-Quran dan menguasai modul pengurusan masjid secara praktikal. Program selama 12 bulan di IIC ini melatih pelajar dalam hafazan dan tajwid, pengurusan aktiviti masjid, khidmat masyarakat, kemahiran ICT dan penyelenggaraan infrastruktur masjid sebelum mereka dinilai untuk menerima SKM Tahap 3 Pengurusan Masjid.

Pendekatan integrasi ini telah membuka peluang lebih luas kepada lepasan tahfiz dan sekolah agama. Sehingga kini, terdapat 175,000 pelajar di 1,199 maahad tahfiz berdaftar di Malaysia, dengan tambahan 125,000 pelajar di pusat tahfiz tidak berdaftar. Mereka kini mempunyai pilihan laluan kerjaya yang lebih pelbagai. Kerajaan juga telah menyalurkan peruntukan untuk memperkasakan institusi tahfiz, termasuk dari segi latihan kemahiran.

Hasil integrasi TVET, ramai pelajar tahfiz kini dilatih dalam bidang elektrik, automotif, pendingin hawa, pertanian, dan pelbagai bidang teknikal lain di samping melengkapkan pengajian al-Quran mereka. Contohnya, seorang lepasan tahfiz yang mengikuti kursus baik pulih penyaman udara akan memperoleh Sijil Kemahiran di samping sijil tahfiz, menjadikannya hafiz profesional yang mampu berdikari dalam kerjaya. Beberapa graduan program Tahfiz-TVET telah berjaya mendapat pekerjaan atau memulakan perniagaan sendiri berbekalkan kemahiran yang diperoleh tanpa mengorbankan jati diri sebagai ilmuwan Islam.

Di pihak pengurusan institusi agama pula, program latihan berasaskan NOSS telah meningkatkan profesionalisme. Misalnya, terdapat imam muda dan pengurus masjid yang mengikuti kursus SKM Pengurusan Masjid Tahap 3-5, kini mengaplikasikan ilmu pengurusan moden di surau dan masjid kariah mereka. Mereka memperkenalkan sistem rekod keahlian jemaah, jadual penyelenggaraan berjadual, modul dakwah komuniti yang lebih terancang, dan pengurusan kewangan telus di institusi masing-masing.

Pusat tahfiz yang dahulu diurus secara tradisional kini dibimbing oleh mudir bertauliah yang mempunyai Diploma Kemahiran Malaysia dalam Pengurusan Tahfiz yang mampu merangka kurikulum bersepadu, mengurus sumber manusia, dan memastikan kebajikan serta disiplin pelajar lebih terjaga. Semua perubahan ini menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan di institusi agama dan disambut baik oleh masyarakat umum.

Langkah Strategik yang Membawa Manfaat

Integrasi pendidikan Islam dalam kerangka TVET di Malaysia merupakan langkah strategik yang membawa dua manfaat utama. Pertama, ia memperkasakan individu khususnya para huffaz dan lepasan institusi agama dengan kemahiran boleh kerja yang relevan, sekaligus meningkatkan kebolehpasaran dan daya saing mereka dalam ekonomi moden tanpa meninggalkan asas agama. Kedua, memantapkan institusi agama melalui pengurusan bersistematik dan profesional. Penggunaan piawai kompetensi seperti NOSS memastikan latihan yang diberikan menepati piawaian industri dan keperluan sebenar pengurusan institusi, manakala pendekatan penilaian ASK menjamin kualiti lulusan yang holistik dari segi sikap, kemahiran dan pengetahuan.

Malaysia kini berada pada landasan yang tepat dalam usaha melahirkan modal insan Ulul Albab iaitu generasi yang cemerlang dalam ilmu duniawi dan ukhrawi. Inisiatif seperti Tahfiz-TVET, jika diteruskan dan diperluas pastinya akan menghasilkan lebih ramai profesional Muslim yang bukan sahaja mampu mengurus hal-ehwal agama dengan efisien, malah menjadi penggerak inovasi dalam sektor teknikal dan vokasional. Berbekalkan sokongan berterusan pelbagai pihak termasuk kerajaan, institusi agama, industri dan komuniti. Integrasi ini berpotensi menjadikan pengurusan institusi agama lebih efisien dan produktif, serta melahirkan graduan berkompentensi tinggi yang 'boleh buat, nak buat dan tahu buat' demi kemajuan ummah dan negara.

-- BERNAMA

BERNAMA

17 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | KESUMA DALAM PROSES PINDA AKTA 652, PERKUKUH TVET ARAS TINGGI

KESUMA Dalam Proses Pinda Akta 652, Perkukuh TVET Aras Tinggi

🕒 17/07/2025 05:45 PM



KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dalam proses meminda Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) bagi membolehkan pengambilan pelatih dan pekerja yang memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap Enam, Tujuh dan Lapan.

Menteri berkaitan Steven Sim berkata akta itu kini hanya membenarkan pengambilan individu yang mempunyai kelayakan SKM sehingga Tahap Lima.

Beliau berkata pindaan itu penting untuk meningkatkan status Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta mengukuhkan industri berasaskan kemahiran Malaysia.

"Kami berharap rang undang-undang itu dapat dibentangkan di Parlimen tahun ini," katanya semasa berucap pada Forum Ekonomi Kebangsaan (NEF) 2025 di sini hari ini.

Pada September tahun lepas, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengumumkan kerajaan pada dasarnya bersetuju untuk mengiktiraf SKM Tahap Enam hingga Lapan sebagai setara dengan ijazah sarjana muda.

Sebagai antara langkah menekankan bahawa TVET adalah setanding dengan pendidikan tinggi yang lain, Sim turut mengumumkan bahawa beliau sendiri akan menjalani latihan SKM di Institut Latihan Perindustrian (ILP) di Melaka.

"Kerana saya ingin menunjukkan bahawa TVET adalah pilihan yang berdaya maju. Namun, bayangkan, jika pemimpin seperti anda, pemimpin korporat, majikan, anda sedar bagaimana TVET memainkan peranan kerana anda sedang melaluinya.

"Anda mungkin akan mengambil lebih ramai lulusan daripada aliran TVET selepas mengetahui cara ia berfungsi," katanya sambil mengajak sektor awam dan swasta untuk menyertai inisiatifnya itu.

Sim berkata kerajaan kini membelanjakan kira-kira RM6 bilion hingga RM7 bilion setahun untuk pendidikan TVET dan apabila digabungkan dengan sumbangan daripada levi Pembangunan Sumber Manusia (HRD), jumlah perbelanjaan boleh mencecah hampir RM10 bilion setahun untuk pendidikan kemahiran.

"Jika kita dapat menyatukan dan menyusun strategi, saya fikir kita pasti boleh menyediakan ekonomi kita, industri kita dan pekerja kita - rakyat Malaysia - untuk masa depan," katanya.

Sementara itu, Sim turut menggariskan visi KESUMA untuk membangunkan ekosistem pembelajaran TVET berkualiti tinggi, berdasarkan tiga tonggak utama, yang dirujuk sebagai "Triple A" - kebolehcapaian, kebolehsuaian dan kekaguman (*accessibility, adaptability dan admirability*).

Mengenai kebolehcapaian, beliau berkata portal dalam talian sehenti dibangunkan secara dalaman oleh kementerian tahun lepas untuk memudahkan proses permohonan program TVET di seluruh negara, yang membawa kepada peningkatan 30 peratus pendaftaran berbanding pada tahap prapandemik

Berhubung kebolehsuaian, Sim mengetengahkan program Akademi dalam Industri (ADI), suatu inisiatif utama yang menerapkan latihan dalam suasana industri sebenar berbanding secara tradisional di kelas.

Sim berkata setakat ini, kementerian telah bekerjasama dengan hampir 2,000 syarikat, mewujudkan lebih 5,000 penempatan yang membolehkan pelatih menerima latihan langsung, dibayar dan memperoleh pensijilan yang diiktiraf di peringkat kebangsaan.

Beliau turut menyebut mengenai program Insentif Latihan Amali atau Ilham KESUMA, yang bertujuan mewujudkan 20,000 peluang latihan amali berstruktur setiap tahun, meletakkan kementerian itu sebagai satu daripada penyedia latihan amali terbesar di negara ini.

Bagi kekaguman, yang merujuk kepada menggalakkan penyertaan industri yang lebih besar, Sim berkata KESUMA menerusi TalentCorp menawarkan potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan berkaitan latihan.

Selain itu, kementerian juga menyediakan geran sepadan untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terutamanya di kawasan luar bandar dan fleksibiliti dalam menggunakan levi HRD Corp untuk membayar elaun pelatih.

-- BERNAMA

BERNAMA

17 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | KKDW LANCAR BUKU PANDUAN PELAKSANAAN AMALAN HIJAU TVET@KKDW

KKDW Lancar Buku Panduan Pelaksanaan Amalan Hijau TVET@KKDW

🕒 17/07/2025 09:02 PM



Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Rubiah Wang (kanan) ketika melawat kilang pada Majlis Peluncuran Amalan Hijau TVET@KKDW 2025 di Kolej Kemahiran Tinggi Mara hari ini. -- fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA

KOTA BHARU, 21 Jun (Bernama) -- Kolej Komuniti Pasir Mas akan menjadikan Karnival Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang dianjurkan hari ini sebagai acara tahunannya dalam usaha menyokong pembangunan sosioekonomi setempat menerusi pendidikan dan latihan.

Pengarahnya, Fathuddin Aizat Che Mohd Ariff berkata ia susulan karnival itu mendapat penyertaan aktif komuniti setempat merangkumi pelbagai lapisan masyarakat termasuk ibu tunggal.

Beliau berkata program itu dilaksanakan sempena Minggu Latihan Kebangsaan hasil kerjasama strategik bersama Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) di bawah Kementerian Sumber Manusia, sejajar dengan usaha Kementerian Pendidikan Tinggi dalam memperkukuh budaya PSH ke arah mencapai aspirasi Malaysia MADANI.

"Lima kursus kemahiran jangka pendek telah ditawarkan sepanjang karnival berlangsung di kampus Kolej Komuniti Pasir Mas, iaitu kursus penghasilan pastri lapis (*puff pastry*), pengenalan aplikasi Canva, penghasilan sabun pencuci pakaian, kursus penjagaan dan rawatan wajah selain kursus penghasilan jambak bunga (*surprise bouquet*).

"Program berkenaan berjaya menarik penyertaan komuniti setempat termasuk golongan belia, suri rumah dan ibu tunggal yang hadir untuk menimba ilmu baharu secara praktikal dan interaktif," katanya dalam kenyataan hari ini.

Fathuddin Aizat berkata penganjuran karnival itu merupakan bukti komitmen Kolej Komuniti Pasir Mas dalam mendekatkan institusi pendidikan dengan masyarakat.

"Kami percaya bahawa ilmu dan kemahiran harus dapat diakses oleh semua tanpa mengira umur atau latar belakang.

"Melalui pendekatan yang inklusif dan fleksibel, kami berhasrat untuk menjadikan Kolej Komuniti sebagai pusat kecemerlangan Pembelajaran Sepanjang Hayat di daerah ini," katanya.

Beliau berkata sambutan yang amat menggalakkan daripada peserta menunjukkan masyarakat kini semakin sedar akan keperluan untuk sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terutamanya dalam dunia yang sentiasa berubah dan mencabar.

Menurutnya penganjuran karnival itu juga selaras dengan matlamat Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dalam memperkukuh peranan Kolej Komuniti sebagai agen pemangkin pembangunan modal insan dan transformasi ilmu di peringkat akar umbi.

"Kita bercadang menjadikan program seumpama ini sebagai acara tahunan berimpak tinggi yang mampu memperluas jaringan kerjasama strategik bersama komuniti, industri dan agensi berkaitan serta menyokong pembangunan sosioekonomi setempat melalui pendidikan dan latihan," katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA

17 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | RMK13 DIJANGKA FOKUS TEKNOLOGI HIJAU, DIGITAL, PERLINDUNGAN SOSIAL

RMK13 Dijangka Fokus Teknologi Hijau, Digital, Perlindungan Sosial – Ahli Akademik

🕒 17/07/2025 03:08 PM



Oleh Shaidathul Suhana Ros

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dijangka memberi penekanan terhadap transformasi digital hijau, pemodenan industri berteknologi tinggi dan pemerkasaan kecerdasan buatan (AI) sebagai langkah membina daya tahan ekonomi jangka panjang.

Profesor Kewangan dan Keusahawanan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Prof Datuk Dr Nik Maheran Nik Muhammad menjangkakan dokumen seperti Ekonomi MADANI, Rangka Tindakan Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 menjadi hala tuju RMK13 berteraskan inovasi, kelestarian alam sekitar dan pembangunan inklusif.

"RMK13 akan memberi tumpuan khusus kepada bidang teknologi hijau, pendigitalan ekonomi, pembangunan modal insan mahir, kesejahteraan masyarakat luar bandar dan usaha mengurangkan jurang sosioekonomi antara wilayah. Pembangunan infrastruktur seperti rangkaian pengangkutan hijau, grid tenaga boleh diperbaharui dan Internet berkelajuan tinggi di kawasan pedalaman juga akan diperkukuh," katanya kepada Bernama hari ini.

Dalam bidang pendidikan, beliau menjangka tumpuan diberikan kepada Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), pendidikan digital serta pembangunan kurikulum masa depan manakala bidang kesihatan pula dijangka menumpukan kepada pencegahan, teleperubatan dan pendigitalan rekod kesihatan kebangsaan.

"Keselamatan pula akan digerakkan melalui transformasi digital, termasuk penggunaan dron dan AI. Selain itu, sudah sampai masanya kerajaan mempertimbangkan pengenalan insurans rakyat iaitu skim mikroinsurans untuk golongan B40, pekerja gig dan usahawan mikro sebagai sebahagian daripada perlindungan sosial yang inklusif," katanya.

Mengulas cabaran global seperti tarif 25 peratus dikenakan Amerika Syarikat terhadap produk Malaysia, Nik Maheran berkata negara boleh meminimumkan kesan terhadap ekonomi dengan memperkukuh inovasi, automasi dan pengeluaran produk hijau bernilai tambah, serta meluaskan pasaran dan menaik taraf industri tempatan bagi memastikan daya tahan ekonomi jangka panjang.

Beliau berkata perusahaan kecil dan sederhana (PKS) perlu dibantu untuk beralih kepada pendigitalan, ekonomi hijau dan automasi bagi meningkatkan daya saing di peringkat serantau dan global memandangkan PKS merupakan tulang belakang ekonomi negara yang menyumbang lebih 97 peratus daripada keseluruhan perniagaan serta menyediakan lebih tujuh juta peluang pekerjaan.

Sementara itu, penganalisis politik dari Universiti Sains Malaysia (USM) Prof Datuk Dr Sivamurugan Pandian berpandangan RMK13 akan memberi tumpuan kepada penyampaian impak sebenar kepada rakyat menerusi pemerkasaan dasar sosial dan keadilan pembangunan.

"Ia khususnya dalam menangani jurang pembangunan antara wilayah, jurang kelas dan etnik, kelestarian dan pendigitalan seperti AI. RMK13 dijangka menjadi pelan strategik yang lebih berani dan inklusif dalam menjayakan visi MADANI. Antara dasar utama yang memberi bayangan hala tuju RMK13 ialah Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat, NETR, NIMP 2030, Dasar Pendigitalan dan Teknologi, serta Kajian Separuh Penggal RMK12.

"Indikator utama yang dijangka diketengahkan dalam RMK13 termasuk pertumbuhan ekonomi hijau, digitalisasi PKS, pengurangan ketidaksamaan wilayah dan pengukuhan modal insan. Berdasarkan prestasi RMK12, RMK13 dijangka memberi tumpuan kepada pembangunan seimbang khususnya di Sabah dan Sarawak, transformasi digital dan ekonomi hijau, reformasi pendidikan dan TVET, keselamatan makanan, sekuriti tenaga serta pengukuhan sistem kesihatan awam pasca-COVID-19," katanya.

Dalam menangani isu ketidaksamaan ekonomi dan kos sara hidup, Sivamurugan berkata RMK13 dijangka memperkenalkan pendekatan bersasar yang lebih menyeluruh dan holistik termasuk reformasi subsidi, peluasan skim perlindungan sosial serta peningkatan mobiliti ekonomi golongan rentan.

Beliau berkata ia adalah selaras dengan keutamaan kerajaan untuk memastikan pertumbuhan saksama dan inklusif demi keadilan sosial dan kestabilan politik.

Berdasarkan takwim Penggal Keempat Parlimen Kelima Belas 2025 Mesyuarat Kedua, pembentangan RMK13 dijadualkan pada 31 Julai.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan berkata RMK13 bagi tempoh 2026 hingga 2030, akan menjadi titik tolak kepada usaha kerajaan dalam menangani cabaran ekonomi negara.

-- BERNAMA

BERNAMA

20 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | JPJ CADANG PERLUAS PEMAKAIAN TALI PINGGANG KELEDAR BAS MILIK IPT, SEKOLAH BERASRAMA PENUH

JPJ Cadang Perluas Pemakaian Tali Pinggang Keledar Bas Milik IPT, Sekolah Berasrama Penuh

🕒 20/07/2025 02:44 PM



KUANTAN, 20 Julai (Bernama) -- Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bercadang untuk memperluas penguatkuasaan pemakaian tali pinggang keledar kepada semua bas milik Institusi Pengajian Tinggi dan sekolah berasrama penuh.

Ketua Pengarahnya Datuk Aedy Fadly Ramli berkata pihaknya akan menggerakkan pasukan teknikal dan penguatkuasaan JPJ negeri bermula Ogos untuk berkolaborasi dengan institusi pengajian tinggi dan institusi pendidikan untuk memeriksa bas di institusi masing-masing.

"Boleh dikatakan semua IPT ini dan sekolah berasrama penuh mempunyai bas sendiri ... kita ingin pastikan bas yang diselenggara oleh pihak IPT dan institut pendidikan ini mematuhi spesifikasi dan pemandunya juga mematuhi peraturan yang ditetapkan," katanya dalam sidang media pada Majlis Penyerahan Lesen Memandu Program MyLesen (B2) di sebuah hotel di sini hari ini.

Pada masa sama, beliau berkata pemeriksaan akan dilakukan secara berperingkat memandangkan keupayaan tenaga kerja JPJ yang terhad.

Selain itu, beliau berkata pihaknya sedang merangka kaedah untuk menggantung atau membatalkan lesen sekiranya pemegang lesen bagi mereka yang menyertai program MyLesen B2 didapati terlibat dengan aktiviti haram seperti lumba haram atau rempit.

"Kita tidak mahu usaha kerajaan ini menjadi sia-sia kerana program Mylesen B2 itu ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan Persekutuan. Daripada latihan sehingga ujian, calon yang mendapat lesen berkenaan tidak mengeluarkan belanja," katanya.

Aedy Fadly turut berharap semua yang menyertai program itu dapat mematuhi undang-undang jalan raya dan tidak melakukan apa-apa aktiviti yang bertentangan undang-undang.

" Kita masih memperincikan (denda), mungkin kita gantung atau batalkan kesemua. Sekiranya dia nak balik lesen berkenaan dia kena mohon seperti biasa, seperti orang awam yang lain. Ini satu kerugian apabila kita bagi kepada calon yang tidak menghargai usaha kerajaan," katanya.

Pada majlis sama, sebanyak 940 daripada 1,000 calon yang mengikuti program Mylesen B2 berjaya menerima lesen memandu B2.

Sementara itu, selaras dengan pengumuman Menteri Pengangkutan Antony Loke untuk menambah 10,000 kuota baharu bagi tahun ini, beliau berkata pihaknya akan mengutamakan kepada pelajar sekolah menengah, khususnya mereka yang menyertai Kadet JPJ.

"Keutamaan diberikan kepada Kadet JPJ, terutamanya mereka yang sudah menjalani latihan sejak Tingkatan Empat. Mereka ini telah mendapat pendedahan awal tentang undang-undang dan keselamatan jalan raya dan ini menjadikan mereka calon sesuai untuk menerima bantuan lesen B2 di bawah program itu.

"Setakat ini di Pahang terdapat 25 sekolah dengan 1,000 anggota Kadet JPJ. Di seluruh negara terdapat lebih 300 sekolah yang mempunyai unit Kadet JPJ," katanya.

Bagaimanapun, penilaian dan saringan akhir bagi program itu akan dibuat oleh JPJ negeri.

Pada 10 Julai lepas, Loke dilaporkan berkata pihaknya melalui JPJ akan menambah sebanyak 10,000 lagi kuota program MyLesen (B2) di seluruh negara dengan melibatkan peruntukan RM3.5 juta

-- BERNAMA

BERNAMA

22 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | MALAYSIA PROMOSI PENDIDIKAN TINGGI DI EKSPLO 2025 OSAKA, JEPUN

Malaysia Promosi Pendidikan Tinggi Di Ekspo 2025 Osaka, Jepun – KPT

🕒 22/07/2025 06:55 PM



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

PUTRAJAYA, 22 Julai (Bernama) -- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menganjurkan Minggu Pendidikan Tinggi di Pavilion Malaysia, Ekspo 2025 Osaka di Jepun bermula 21 hingga 26 Julai ini untuk mengetengahkan kekuatan dan keunikan pendidikan tinggi negara kepada dunia.

KPT dalam kenyataan memaklumkan lebih 20 universiti dan agensi menyertai pameran itu bagi menonjolkan kecemerlangan pendidikan tinggi negara.

"Penyertaan rasmi dalam Pavilion Malaysia yang dikelolakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bertujuan mempamerkan kualiti akademik, inovasi penyelidikan serta keterbukaan institusi pendidikan tinggi (IPT) Malaysia kepada kerjasama global," menurut kenyataan itu.

Menurut KPT, Minggu Pendidikan Tinggi yang bertemakan 'Study in Malaysia' telah dirasmikan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir secara dalam talian pagi tadi.

"Program itu memberi tumpuan kepada usaha menarik lebih ramai pelajar antarabangsa menyambung pengajian di Malaysia di samping memperlihatkan pencapaian dan kejayaan IPT negara menerusi hasil inovasi dan penyelidikan berimpak tinggi," menurut kementerian itu.

Menurut kenyataan itu, Zambry dalam ucapan memaklumkan bahawa landskap pendidikan tinggi Malaysia terus berkembang sebagai hab serantau yang menawarkan program pengajian bertaraf antarabangsa dengan nilai tambah kekuatan tempatan.

Selain itu, KPT turut memperkenalkan Edutourism Gateway iaitu sebuah gerbang digital untuk pelajar antarabangsa mengikuti model pembelajaran yang digabungkan dengan pelancongan sekali gus memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terkemuka dunia.

"Malaysia merupakan destinasi pengajian pilihan bagi pelajar antarabangsa berdasarkan beberapa faktor utama seperti program pengajian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, kecemerlangan IPT dengan penarafan global, kos pengajian dan sara hidup yang berpatutan, jaminan keselamatan serta keunikan masyarakat majmuk yang harmoni," menurut KPT.

Sepanjang penganjuran Minggu Pendidikan Tinggi itu, pelbagai aktiviti interaktif, perkhidmatan, pameran inovasi dan penyelidikan, sesi perkongsian, pemeteraian kerjasama strategik dan promosi telah dirancang dengan penglibatan agensi di bawah KPT termasuk IPT awam dan swasta.

Delegasi KPT diketuai Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) Datuk Dr Mohd Zahari Ismail.

Penyertaan Malaysia dalam Ekspo 2025 Osaka yang menghimpunkan lebih 150 negara itu diyakini mampu menjana peluang kerjasama strategik baharu dalam ekosistem pendidikan tinggi negara, selaras aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai daya cipta, keterjaminan dan keyakinan dalam melahirkan bakat terbaik untuk masa depan negara.

-- BERNAMA

BERNAMA

22 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | PEMADAM FOKUS TANGANI ANCAMAN DADAH SINTETIK DALAM KALANGAN BELIA BERPENDIDIKAN

PEMADAM Fokus Tangani Ancaman Dadah Sintetik Dalam Kalangan Belia Berpendidikan

🕒 22/07/2025 04:28 PM



Timbalan Menteri Dalam Negeri merangkap Yang Dipertua PEMADAM Kebangsaan Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) akan memberi tumpuan serius terhadap usaha membanteras penularan dadah sintetik yang semakin membimbangkan, khususnya dalam kalangan belia berpendidikan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri merangkap Yang Dipertua PEMADAM Kebangsaan Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah berkata perkara itu akan menjadi antara agenda utama dalam Perhimpunan Agung PEMADAM Kebangsaan ke-46 yang akan berlangsung pada 9 hingga 11 Ogos ini di Kompleks Perbadanan Putrajaya.

"PEMADAM perlu bergerak ke hadapan sesuai dengan perubahan yang berlaku ketika ini. Tumpuan kita kepada dadah sintetik yang mudah didapati kerana harganya murah serta menjadi pilihan golongan muda berusia 15 hingga 30 tahun, termasuk yang berpendidikan tinggi.

"Kita juga mahu menjadikan perhimpunan ini sebagai titik tolak perubahan untuk PEMADAM, bukan sahaja dari segi strategi pencegahan, tetapi juga dengan penyertaan lebih ramai pimpinan muda dan ahli akademik dalam barisan PEMADAM Kebangsaan," katanya pada sidang media sebelum mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif PEMADAM Kebangsaan di sini hari ini.

Shamsul Anuar berkata PEMADAM telah turun padang ke beberapa negeri antaranya Kelantan, Pulau Pinang dan Sabah untuk bekerjasama dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dalam memahami situasi sebenar penyalahgunaan dadah di peringkat akar umbi.

"Kajian yang dibuat oleh AADK jelas menunjukkan bahawa individu yang terlibat dalam penggunaan dadah kini turut merangkumi golongan berpendidikan tinggi, malah ada yang mempunyai PhD (Ijazah Doktor Falsafah), terutamanya di Pantai Timur.

"Maknanya, mereka yang terlibat dalam pengedaran dadah ini mula memberi fokus kepada kumpulan-kumpulan yang sangat berpotensi menjadi golongan produktif dan penyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Beliau berkata perhimpunan agung itu dijangka dirasmikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan bakal menjadi platform untuk menyampaikan mesej dalam usaha berterusan membanteras musuh nombor satu negara itu.

"Perhimpunan itu akan menampilkan pelbagai pameran daripada AADK, Jabatan Penjara serta Pusat Serenti (PUSPEN) selain sesi khas pembentangan yang akan mendedahkan senario terkini mengenai dadah sintetik serta kaedah dan pendekatan terbaharu yang digunakan oleh pengedar," katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA

23 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | KPT BANGUNKAN KOD AMALAN AKREDITASI PROGRAM SELARAS KEPERLUAN INDUSTRI

KPT Bangunkan Kod Amalan Akreditasi Program Selaras Keperluan Industri

🕒 23/07/2025 03:29 PM



Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi merangkap Ahli Parlimen Sepanggar Datuk Ts Mustapha Sakmud hadir pada sesi jawab lisan sempena Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat Parlimen ke-15 Persidangan Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen hari ini.

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah membangunkan Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA) sebagai rujukan piawaian dan panduan dalam merangka program berkualiti yang memenuhi kehendak pasaran kerja.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mustapha Sakmud berkata antara piawaian ditetapkan dalam COPPA ialah keperluan bagi institusi pengajian tinggi (IPT) menjalankan analisis pasaran dan tahap kebolehpasaran graduan sebelum sesuatu program diluluskan untuk penawaran.

"Bagi kursus pengajian yang berada di bawah seliaan badan profesional, penawaran kursus turut tertakluk kepada kriteria Jawatankuasa Teknikal Bersama bagi memastikan ia memenuhi Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).

"Setelah ditawarkan, penilaian dan semakan semula program akan dilaksanakan secara berkala bagi tujuan penambahbaikan berterusan," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab pertanyaan Jimmy Puah Wee Tse (PH-Tebrau) mengenai tindakan menyelesaikan isu ketidakpadanan kursus ditawarkan institusi pengajian tinggi awam dengan pasaran kerja terkini, hingga menyebabkan graduan terpaksa menerima kerja di luar bidang pengajian dengan gaji lebih rendah.

Selain itu, Mustapha berkata KPT menjalinkan kerjasama strategik dengan kementerian serta agensi berkaitan seperti Kementerian Sumber Manusia, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan LinkedIn Malaysia dalam memperkasakan usaha menyokong keperluan tenaga kerja negara.

Beliau berkata KPT turut melaksanakan beberapa inisiatif seperti CEO@Faculty, CEO@PolyCC, Industry on Campus (IOC), Industry Education Centre, Industry@University, 2u2i dan Program Latihan Industri Berstruktur (SIP) dalam usaha menangani isu ketidaksepadanan antara penawaran kursus dan kehendak industri.

-- BERNAMA

BERNAMA

23 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | SST DAN MAHASISWA: PERKASAKAN DAYA TAHAN PELAJAR DALAM ERA PENYESUAIAN EKONOMI

SST Dan Mahasiswa: Perkasakan Daya Tahan Pelajar Dalam Era Penyesuaian Ekonomi



File photo

23/07/2025 02:17 PM

Pendapat mengenai pelbagai isu semasa daripada peneraju pemikiran, kolumnis dan pengarang.



*Oleh :
Profesor Elmy Johana Mohamad*

Pelaksanaan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) oleh kerajaan merupakan langkah strategik dalam usaha mengukuhkan struktur kewangan negara, meningkatkan hasil cukai dan memastikan pembangunan yang mampan. Dalam kerangka Malaysia Madani, pendekatan ini dilihat selari dengan keperluan memperkukuh daya tahan ekonomi negara secara kolektif.

Namun demikian, pelaksanaan SST turut membawa cabaran tersendiri kepada segmen masyarakat tertentu, khususnya golongan pelajar universiti yang sedang membina asas kehidupan dan kerjaya mereka. Di sebalik reformasi fiskal ini, muncul satu keperluan mendesak untuk memperkasa mahasiswa agar lebih cekal, adaptif dan berdaya tahan menghadapi perubahan landskap ekonomi semasa.

SST dan Realiti Kehidupan Mahasiswa

Walaupun SST tidak dikenakan secara langsung ke atas pendidikan tinggi, ia tetap memberi kesan rantaian terhadap perbelanjaan harian pelajar. Kenaikan kos barangan pengguna, makanan, sewa bilik, serta perkhidmatan seperti pengangkutan dan telekomunikasi telah meningkatkan beban kewangan yang ditanggung oleh mahasiswa.

Bagi pelajar dari kumpulan B40 dan M40, situasi ini menuntut penyesuaian gaya hidup dan pengurusan kewangan yang lebih berhemah. Ada yang terpaksa berjimat untuk makanan, berkongsi peralatan asas, atau mengambil kerja sampingan. Ini bukan soal manja atau tidak berdikari, tetapi cabaran nyata yang perlu diurus dengan bijaksana. Dalam konteks ini, SST bukanlah punca kelemahan, sebaliknya menjadi pencetus kepada perlunya gerakan memperkasa mahasiswa secara lebih sistematik dan menyeluruh.

Universiti dan Yayasan, Pemangkin Daya Tahan Mahasiswa

Institusi pengajian tinggi bukan sahaja berperanan sebagai pusat kecemerlangan akademik, tetapi juga sebagai pelindung sosial (*social safety net*) kepada pelajar. Penubuhan yayasan universiti menjadi tonggak penting dalam menyokong mahasiswa ketika berdepan tekanan kewangan. Antara inisiatif utama yang telah dan boleh diperluas termasuklah:

1. Dana kecemasan dan bantuan sara hidup: Menyediakan bantuan kewangan segera bagi pelajar yang terkesan akibat kos hidup meningkat.
2. Program makanan percuma dan '*food bank*' kampus: Menjamin keperluan asas pelajar agar tiada yang berlapar.
3. Skim bantuan peranti dan data internet: Untuk memastikan kesaksamaan akses pembelajaran digital.
4. Program keusahawanan mikro: Mendorong pelajar menjana pendapatan secara sah dan terkawal tanpa menjejaskan pembelajaran akademik.
5. Latihan literasi kewangan: Mendidik pelajar tentang pengurusan kewangan peribadi, bajet dan simpanan.

Langkah ini bukan sekadar memberi bantuan sementara, tetapi membina keupayaan jangka panjang mahasiswa agar lebih berdaya tahan dalam ekonomi pasca-SST.

Universiti Sebagai Ekosistem Pengupayaan

Dalam konteks SST, universiti juga boleh memainkan peranan dengan menstruktur semula sokongan kepada pelajar seperti mengoptimumkan kemudahan kampus sebagai platform menjana pendapatan pelajar. Contohnya dengan mewujudkan bazar pelajar, sistem e-dagang dalaman atau peluang 'freelance' kampus. Selain itu, universiti boleh menggalakkan budaya inovasi dan penyelesaian sendiri, yang mana pelajar bukan hanya menerima bantuan, tetapi menjadi agen kepada penyelesaian melalui inovasi, teknologi dan perniagaan sosial. Ini sejajar dengan aspirasi pendidikan tinggi Malaysia untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang akademik, tetapi juga *resilience* dan responsif terhadap cabaran ekonomi global.

Kerjasama Pintar Pihak Berkepentingan

Isu ini tidak boleh digalas oleh universiti dan yayasan semata-mata. Ia memerlukan kolaborasi strategik pelbagai pihak. Sektor swasta dan korporat boleh menaja biasiswa, menawarkan latihan industri berbayar, atau menyumbang kepada dana kebajikan pelajar. Alumni universiti boleh kembali menyumbang dalam bentuk pembiayaan, bimbingan atau jaringan kerjaya. Agensi kerajaan, zakat dan NGO pula boleh memperluaskan skim bantuan bersasar kepada pelajar yang memenuhi syarat.

Sementara itu, masyarakat awam boleh memainkan peranan sebagai penyokong pendidikan menerusi endowmen dan zakat atau kempen kesedaran. Kolaborasi ini bukan sahaja membantu pelajar hari ini, tetapi membina generasi pemimpin masa depan yang lebih bersedia dan matang dalam mendepani realiti ekonomi.

Daripada Simpati Kepada '*Empowerment*'

Cabaran akibat SST bukan sesuatu yang harus ditangisi. Ia adalah medan latihan kehidupan yang boleh membina mahasiswa yang lebih kuat, berdikari dan bertanggungjawab. Namun, proses ini mesti dipimpin dan disokong oleh ekosistem yang prihatin dan progresif. Pendidikan tinggi harus kekal inklusif. Tiada pelajar yang patut keciciran hanya kerana kesempitan hidup. Dalam semangat Malaysia Madani, setiap individu, institusi dan organisasi mempunyai peranan dalam membangun insan, bukan sekadar menyampaikan ilmu.

Ke Arah Mahasiswa Madani, Ekonomi Sejahtera

SST adalah sebahagian daripada mekanisme pembangunan negara. Namun, impaknya perlu ditangani dengan bijaksana, adil dan inklusif. Universiti, yayasan, alumni, sektor swasta dan masyarakat perlu berganding bahu menjadikan cabaran ini sebagai peluang memperkukuh mahasiswa, bukan bersifat melemahkan. Mahasiswa yang berdaya tahan adalah pelaburan jangka panjang negara. Kita tidak hanya menyokong mereka untuk lulus peperiksaan, tetapi untuk berjaya dalam kehidupan, dan di situlah titik keberhasilan sebenar pendidikan tinggi negara.

-- BERNAMA

BERNAMA

25 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | KEPINTARAN BUATAN (AI): ANCAMAN KERJAYA BAGI GRADUAN KOMPUTER?

Kepintaran Buatan (AI): Ancaman Kerjaya Bagi Graduan Komputer?



25/07/2025 05:25 PM

Pendapat mengenai pelbagai isu semasa daripada peneraju pemikiran, kolumnis dan pengarang.

Oleh Prof Madya Dr Suhailan Safei

Perkembangan kepintaran buatan (AI) dilihat semakin relevan dalam persekitaran pekerjaan rasmi dengan kemampuan AI menggantikan tugas manusia terutama dalam penyelesaian masalah yang memerlukan tahap kognitif atau pemikiran yang kritis dan kreatif.

Revolusi ini mencetuskan kebimbangan banyak pihak terutama graduan baharu yang belum mempunyai pengalaman dan terdedah dengan teknologi baharu.

Tambahan dengan isu ekonomi yang semakin mencabar, kerisauan ini turut dirasai oleh pekerja yang sudah lama bekerja tapi masih ketinggalan dalam persaingan kemahiran teknologi semasa yang mengambilalih persekitaran kerja semasa.

Teknologi AI ini secara tidak langsung mempengaruhi juga bidang sains komputer dan teknologi maklumat (ICT).

Bidang AI merupakan bidang yang sudah lama diperkembangkan dalam disiplin ilmu ICT ke arah menggantikan tugas-tugas rutin manusia.

Konsep AI ini sudah lama digunapakai oleh pembangun sistem terutama dalam mengautomasi kerja pembangunan sistem itu sendiri seperti pembangunan fungsi guna semula kod aturcara.

Permasalahan berkaitan pengaturcaraan turut dikongsi secara meluas, bebas dan percuma di Internet yang akhirnya membolehkan pengetahuan ini direkabentuk dalam format bot sembang yang boleh digunapakai oleh orang awam.

Sistem berasaskan AI sekarang sudah mampu mencadangkan kod aturcara sistem berdasarkan keperluan pengguna hanya melalui arahan ringkas.

Malah arahan ini juga sudah ada banyak dikongsi di Internet untuk digunapakai. Kita sudah boleh menghasilkan satu laman web lengkap dengan rekabentuk profesional dalam masa tidak sampai 10 minit tanpa perlu mengupah pembangun laman web.

Jika kos membina laman web boleh mencecah 10 ribu sebagai upah pembangunan, kini, majikan hanya perlu bercakap dengan AI seperti ChatGPT untuk mendapatkan hasil yang sama secara percuma.

AI-Cabaran Graduan ICT

Namun, dalam sudut pandang berbeza, teknologi ini dilihat seakan menjadi ancaman kepada graduan ICT dalam prospek peluang pekerjaan.

Peluang kerjaya bukan hanya terancam akibat AI, namun banyak faktor yang boleh menyumbang kepada isu ini.

Sebagai contoh, banyak kerja sekarang sudah boleh dibuat sendiri melalui lambakan perkongsian video "DIY" atau kursus dalam talian di Internet. Era pengetahuan di hujung jari ini telah membolehkan penyelenggaraan rumah, pembaikan alatan elektrik, penyediaan makanan mahupun pengetahuan profesional seperti kursus pengaturcaraan dapat dipelajari dan dipraktikan sendiri oleh orang awam.

Malah ada juga kes yang telah membuka klinik pergigian sendiri hanya berdasarkan pengetahuan di Internet sahaja.

Persoalannya adakah ini telah menjejaskan graduan dalam bidang terbabit. Tidak dinafikan, memang ada kerja yang orang awam boleh selesaikan sendiri melalui pembelajaran tidak formal sama ada melalui Internet ataupun perisian AI.

Namun begitu, ada beza antara graduan universiti dengan graduan Internet yang melalui pembelajaran formal yang menjurus menjadi tenaga mahir dalam bidang tertentu.

Graduan universiti menjalani latihan sepenuh masa yang komprehensif meliputi pelbagai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang tertentu yang telah digubal secara sistematik oleh banyak pihak berkepentingan dalam sesebuah institusi pengajian tinggi (IPT).

Dalam sesuatu kerja, kita bukan sahaja mementingkan ia cepat siap. Tetapi ia mesti selamat apabila digunakan oleh orang awam dan banyak aspek lain yang perlu diperhalusi terutama dalam sistem yang melibatkan data.

Tidak dinafikan sistem yang dibuat oleh pembangun sistem berpengalaman turut terdedah kepada keselamatan dan kebocoran data, tapi ia tidak perlu dibimbangi kerana mereka telah dilatih dalam bidang mereka untuk mengatasi masalah tersebut dengan segera.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya berlaku masalah daripada sistem yang dijana menggunakan perisian AI oleh orang yang bukan bidang, ia akan menjadi satu masalah kritikal berkaitan siapa yang akan bertanggungjawab dan bagaimana hendak diselesaikan.

Sistem AI seumpamanya tidak dibina dengan tahap keselamatan khusus untuk semua konteks penggunaan.

Sebarang kod atau sistem yang dijana oleh AI masih memerlukan semakan dan pemahaman manusia, terutama dalam aspek seperti pengendalian data peribadi, pematuhan perundangan, log masuk pengguna, enkripsi, pemprosesan algoritma, dan pelan risiko ancaman sistem.

Kod yang dijana AI kadangkala mengandungi kesilapan logik pemprosesan dan keselamatan, terutama apabila AI digunakan oleh individu tanpa latar belakang teknikal yang mencukupi.

Graduan ICT yang belajar selama 3 hingga 4 tahun dalam bidang ini pasti didedahkan dengan pelbagai kursus berkaitan dalam memastikan sistem bukan sahaja dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan dan memenuhi keperluan pengguna.

Mereka turut didedahkan serta dilatih berkaitan aspek teknikal lain seperti serangan siber, isu capaian serentak pengguna yang ramai, konfigurasi pelayan dan rangkaian, kawalan pengesahan pengguna, rekabentuk sistem atau pangkalan data, penyelenggaraan sistem serta etika berkaitan pengendalian sistem digital.

Selain itu, pelajar ini juga turut diberikan latihan meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis, komunikasi secara berkesan, pengurusan kerja dalam kumpulan, profesionalisma dan etika serta penambahbaikan kemahiran interpersonal.

Namun begitu, tidak dinafikan peluang kerjaya sangat berkait rapat dengan keperluan industri.

Cabaran Kerjaya

Institusi pengajian tinggi perlu memastikan program akademik adalah berdaya saing dan memenuhi keperluan industri yang sentiasa berubah mengikut perkembangan teknologi.

Kepentingan penggunaan teknologi AI perlu dilihat sebagai alat pelengkap dan sokongan dalam memperkasa graduan ICT yang lebih praktikal dan mudah beradaptasi dalam industri.

Graduan hari ini tidak boleh bergantung kepada pengetahuan teori dan kemahiran teknikal asas semata-mata.

Mereka perlu dilatih cara untuk bekerjasama dengan AI, memahami konteks, dan menambah nilai hasil projek dengan bantuan AI.

Cabaran kerjaya bukan sekadar berkait dengan sikap pelajar, tapi sebenarnya turut menuntut tenaga pengajar akademik yang lebih berpengalaman untuk turut berubah seiring dengan keperluan semasa dan industri.

Silibus pengajian perlu dikontemporarikan dengan pengetahuan baharu dan teknologi semasa.

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) pula tidak lagi berkisar kepada teori asas semata-mata, ia perlu kepada kajian kes sebenar, latihan dalam bentuk praktikal penyelesaian masalah dunia nyata dan hasil projek beroorientasikan industri ataupun berimpak komuniti.

Cabaran ini agak sukar dilaksanakan jika dilihat kepada beban kerja pensyarah ditambah dengan jumlah unjuran pelajar yang semakin bertambah saban tahun.

Namun, ia sebenarnya akan lebih mudah apabila pensyarah juga turut menggunakan AI dalam membantu proses PdP.

Sebagai contoh, selain pensyarah sebagai fasilitator, pelajar boleh menggunakan AI sebagai fasiliator sokongan dalam memahami dan menyelesaikan masalah yang dibangkitkan.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, walaupun perisian AI menawarkan peluang baharu dalam automasi dan kecekapan sesuatu kerja, majikan masih memerlukan orang yang terlatih dalam bidang dalam memastikan sesuatu penyelesaian itu mampan, berdaya saing dan mempunyai kawalan kebertanggungjawaban.

Namun, dengan wujudnya teknologi ini, pihak majikan dapat mengoptimunkan kos kerana bebanan kerja bagi seorang pekerja mahir dapat dikurangkan dengan bantuan AI.

Justeru, penggunaan teknologi AI dan pembangunan bakat tempatan perlu diasimilasikan dalam memastikan kelangsungan ekonomi digital yang lebih berimpak tinggi dengan sumber yang lebih berdaya saing.

--BERNAMA

BERNAMA

25 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | MELAKA PERGIAT "KEMPEN KURANGKAN GULA"

Melaka Pergiati "Kempen Kurangkan Gula"

🕒 25/07/2025 11:22 PM



fb Pusat Maklumat Pemakanan Negeri Melaka

MELAKA, 25 Julai (Bernama) -- Jabatan Kesihatan Melaka sedang giat menggerakkan "Kempen Kurangkan Gula" bermula di premis makanan dan minuman di sekitar negeri itu, susulan peningkatan kadar obesiti dan berat badan berlebihan dalam kalangan rakyatnya.

Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri Datuk Ngwe Hee Sem berkata usaha itu bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan peniaga supaya mengurangkan gula dalam penyediaan makanan dan minuman.

Beliau berkata pengambilan gula berlebihan perlu dielakkan bukan sahaja untuk mengawal berat badan, tetapi bagi mengelakkan penyakit tidak berjangkit berbahaya seperti diabetes, darah tinggi, kolesterol tinggi, penyakit jantung dan strok.

"Melaka merupakan negeri kedua tertinggi mempunyai pesakit diabetes secara keseluruhan iaitu 20.5 peratus melibatkan mereka yang tahu menghidap diabetes ketika kajian dan mereka yang tidak tahu menghidap diabetes ketika kajian, tetapi ujian darah menunjukkan mereka telah menghidap diabetes.

"Trend penyakit tidak berjangkit ini amat membimbangkan kerana obesiti dan diabetes selain penyakit darah tinggi dan tahap kolesterol tinggi boleh menyebabkan strok serta penyakit kardiovaskular yang boleh mengakibatkan kematian pramatang," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata demikian selepas Program Walkabout Premis Bersih, Bebas Asap Jabatan Kesihatan Melaka yang turut dihadiri Pengarah Kesihatan negeri Dr Ruzita Mustaffa.

Pada masa sama, Ngwe turut menyarankan rakyat negeri Melaka untuk mengamalkan cara hidup sihat dengan melakukan senaman dan mengawal pemakanan.

Berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 yang dijalankan setiap empat tahun sekali itu menunjukkan sebanyak 54.4 peratus rakyat dewasa Malaysia mengalami berat badan berlebihan dan obesiti iaitu 32.6 peratus berlebihan berat badan manakala obesiti 21.8 peratus.

Di Melaka pula, 33.3 peratus penduduk didapati mengalami berat badan berlebihan manakala 25.1 peratus lagi mengalami obesiti, menjadikan keseluruhan mereka yang mempunyai berat badan berlebihan dan obesiti adalah sebanyak 58.4 peratus.

Terdahulu pada program berkenaan, lapan premis makanan di sekitar Plaza Mahkota menerima pengiktirafan Bersih dan Selamat sekali gus memberi jaminan dan keyakinan kepada pelanggan terhadap keselamatan dan kualiti makanan di premis berkenaan.

Beliau berkata dalam tempoh 2023 hingga hari ini, sebanyak 237 premis makanan dan minuman di Melaka telah menerima pengiktirafan berkenaan sekali gus membantu memberi nilai tambah pada subsektor pelancongan makan-makan di negeri itu.

-- BERNAMA

BERNAMA

26 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | PERMOHONAN SERTAI TVET MENINGKAT KEPADA 229,000 HINGGA 12 JULAI

Permohonan Sertai TVET Meningkat Kepada 229,000 Hingga 12 Julai – Ahmad Zahid

🕒 26/07/2025 03:04 PM



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi

KANGAR, 26 Julai (Bernama) -- Permohonan bagi menyertai bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di negara ini menunjukkan peningkatan mendadak, iaitu daripada 25,000 kepada 229,000 permohonan dalam tempoh dua tahun setakat 12 Julai lepas.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata peningkatan itu antaranya disebabkan terdapat kesedaran dalam kalangan ibu bapa dan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta individu yang tidak berjaya melanjutkan pelajaran, mengenai kelebihan bidang itu yang antaranya menawarkan gaji premium.

"Mereka dapati bahawa gaji premium ditawarkan bagi pelajar TVET ini cukup baik, tidak tertakluk kepada gaji minimum RM1,700 yang ditentukan oleh kerajaan, sebaliknya bergantung pada kemahiran yang diperolehi, malah ada kursus, umpamanya kimpalan, yang menawarkan gaji permulaan RM7,500," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Kangar di sini hari ini yang turut dihadiri Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perlis Datuk Rozabil Abd Rahman.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Majlis TVET Negara berkata setakat ini, terdapat 1,398 institusi TVET di seluruh negara dan keperluan pasaran kerja dalam bidang itu sememangnya banyak terutamanya daripada pihak syarikat pelaburan langsung asing (FDI) yang melabur di negara ini memerlukan pekerja mahir.

"Kita akan terus memperbanyak tempat dan bidang kursus yang ditawarkan mengikut keperluan guna tenaga di negara kita, umpamanya banyak kursus AI (kecerdasan buatan), IoT (Internet benda) dan robotik yang telah dibuat oleh TVET swasta.

"Kita yakin keterlibatan pelajar TVET dalam bidang baharu ini bersesuaian dengan permintaan syarikat luar negara yang memerlukan tenaga mahir dari Malaysia," kata Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah.

-- BERNAMA

BERNAMA

27 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | POLYCC DISARAN TERUS PROMOSI KAEDAH PDP GUNA TEKNOLOGI DIGITAL

POLYCC Disaran Terus Promosi Kaedah PdP Guna Teknologi Digital

🕒 27/07/2025 10:51 PM



SHAH ALAM, 27 Julai (Bernama) -- Politeknik dan kolej komuniti (POLYCC) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) disaran untuk terus mempromosikan program yang menekankan penggunaan teknologi digital sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) masa kini.

Ketua Setiausaha KPT Datuk Dr Anesee Ibrahim berkata ini kerana penggunaan teknologi digital dalam PdP seperti kecerdasan buatan (AI), realiti augmentasi (AR) dan realiti maya (VR) amat membantu, khususnya dalam usaha meningkat kemahiran bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara.

Beliau berkata kaedah PdP terutamanya di institusi pendidikan tinggi tidak boleh lagi bergantung kepada pendekatan konvensional sebaliknya perlu seiring dengan kemajuan teknologi digital bagi melahirkan bakat negara yang relevan dan berdaya saing.

"Tahun ini buat pertama kalinya, teknologi ini dibawa dalam bentuk pameran seperti ini (POLYCC eDOLA Digital Fair 2025) agar pengunjung berpeluang melihat apakah teknologi yang digunakan dalam PdP di politeknik dan kolej komuniti," katanya menerusi kenyataan yang dikeluarkan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti KPT hari ini.

Terdahulu, Anesee merasmikan Majlis Penutupan POLYCC eDOLA Digital Fair 2025 di sini hari ini.

Dalam majlis sama, beliau turut menyempurnakan pelancaran ILHAM@CeLT (*Innovative Learning Hub for Advancing Method*) sebuah inisiatif oleh Politeknik METro Kuala Lumpur, sebagai pusat pembangunan bahan pengajaran digital berasaskan teknologi masa hadapan.

POLYCC eDOLA Digital Fair 2025 yang berlangsung dua hari bermula semalam mengetengahkan pelbagai inovasi digital hasil warga POLYCC merangkumi teknologi AI, AR, VR, simulator penerbangan, robotik, e-sukan serta pelbagai demonstrasi digital.

Turut diadakan *POLYCC- AWS League of Large Language Model Bootcamp* yang julung kali dibawa oleh Amazon Web Services (AWS) ke Malaysia, dengan POLYCC menjadi agensi pertama terpilih untuk mengajurnya di negara ini.

Penganjuran POLYCC eDOLA Digital Fair 2025 juga bertujuan memberikan kesedaran dan menyemarakkan budaya digital dalam masyarakat, selain pendedahan mengenai ekosistem TVET Digital yang dilaksanakan di POLYCC selari dengan Dasar Pendigitalan Negara.

-- BERNAMA

BERNAMA

28 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | KESUMA PERKASA TVET DENGAN ELEMEN AI HADAPI REVOLUSI INDUSTRI 4.0

KESUMA Perkasa TVET Dengan Elemen AI Hadapi Revolusi Industri 4.0

🕒 28/07/2025 03:46 PM



Menteri Sumber Manusia, Steven Sim ketika ditemui media pada majlis perasmian Persidangan ARTDO (Asian Regional Training and Development Organization) ke-52 di George Town. --fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA

GEORGE TOWN, 28 Julai (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) komited memperkasa pembangunan modal insan negara dengan menawarkan kursus kemahiran yang membantu pekerja mempersiapkan diri menghadapi keperluan pasaran kerja semasa dan masa hadapan, selari dengan kehendak Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Menterinya Steven Sim berkata ini termasuk meneliti semula sukatan pelajaran bagi kursus kemahiran di institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di bawah seliaan kementerian itu, bagi memasukkan elemen kecerdasan buatan (AI).

"Kita akan melihat kepada sukatan mata pelajaran yang ada untuk memasukkan sekurang-kurangnya kemahiran asas dalam pengendalian teknologi AI.

"Ini supaya pelatih kita apabila keluar nanti walaupun bukan bekerja dalam bidang teknologi secara langsung, sekurang-kurangnya mereka ada pengetahuan asas sebab AI ini merangkumi semua sektor pekerjaan dan kehidupan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pembukaan Persidangan ARTDO (Asian Regional Training and Development Organization) ke-52 di sini, hari ini.

Beliau berkata ketika ini terdapat 33 Institut Latihan Perindustrian (ILP) seliaan KESUMA di bawah TVET dan kerjasama akan turut diperluas dengan insititusi TVET lain serta penyedia latihan swasta bagi memperkukuh penyampaian latihan berteraskan teknologi.

Beliau juga berharap dapat memperluaskan lagi kursus jangka pendek serta program literasi AI kepada golongan seperti suri rumah bagi memastikan setiap lapisan masyarakat bersedia menghadapi transformasi teknologi.

Dalam pada itu, Sim berkata pembangunan teknologi masa kini termasuk AI, digitalisasi dan ekonomi hijau yang sedang berkembang pesat memberi kesan ketara terhadap pasaran kerja negara.

Bagi mendepani cabaran itu, beliau memaklumkan KESUMA telah menyediakan satu laporan pada hujung tahun lepas yang mengkaji impak teknologi masa hadapan terhadap tenaga kerja Malaysia.

Beliau berkata laporan tersebut dibangunkan berdasarkan input daripada pemain industri dalam 10 sektor ekonomi utama negara dan menjadi panduan penting kepada kerajaan dalam merangka dasar latihan kemahiran serta tenaga kerja masa depan.

"Menerusi laporan ini kita dapat kenal pasti pekerjaan yang mungkin terjejas serta peluang pekerjaan baharu yang bakal wujud, maka strategi *upskilling* dan *reskilling* perlu dilaksanakan bagi memastikan pekerja kita kekal relevan dan berdaya saing," jelasnya.

Justeru, Sim berkata KESUMA melalui TalentCorp telah memperkenalkan portal MyMahir yang memadankan keperluan kemahiran baharu dengan kursus latihan bersesuaian.

"Portal ini bukan saja membantu rakyat Malaysia secara amnya tetapi juga pembuat dasar, syarikat serta perusahaan kecil sederhana (PKS). Mereka boleh membuat perancangan lebih rapi ke arah persiapkan diri untuk berdepan dengan cabaran teknologi masa kini," katanya.

--BERNAMA

BERNAMA

29 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | KESIHATAN MENTAL GOLONGAN BELIA MAKIN TERJEJAS, PERLUKAN SISTEM SOKONGAN

Kesihatan Mental Golongan Belia Makin Terjejas, Perlukan Sistem Sokongan – Abdul Karim

🕒 29/07/2025 08:16 PM



Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak, Datuk Seri Abdul Karim Rahman Hamzah bergambar dengan para peserta semasa menghadiri Majlis Penutupan Sarawak International Conference on Youth Mental Health 2025 di sebuah hotel. -- fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA

KUCHING, 29 Julai (Bernama) -- Kesihatan mental dalam kalangan belia semakin terjejas akibat pelbagai faktor antaranya tuntutan akademik, ketidaktentuan ekonomi, penggunaan digital berlebihan dan keretakan dalam institusi keluarga, kata Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak Datuk Seri Abdul Karim Rahman Hamzah.

Beliau berkata situasi berkenaan amat membimbangkan khususnya di kawasan luar bandar dan golongan terpinggir, dengan perkhidmatan kesihatan mental masih terhad.

Abdul Karim berkata meskipun berada di kawasan bandar, masih ramai golongan belia tidak mempunyai akses kepada persekitaran selamat dan menyokong untuk berkongsi atau meluahkan masalah dialami.

"Ia penting kerana kesihatan mental belia banyak dipengaruhi oleh faktor luaran seperti sistem pendidikan, teknologi, norma masyarakat, keluarga serta dasar sedia ada. Kita perlu menyesuaikan semula sistem-sistem ini bagi menyokong keperluan golongan belia dengan lebih berkesan.

"Selain itu, kita tidak boleh lagi bersikap berdiam diri. Kita perlu wujudkan satu budaya yang menggalakkan golongan belia untuk bersuara secara terbuka, menyediakan mereka dengan platform untuk meluahkan pendapat, serta melengkapi mereka dengan alat dan kemahiran untuk menghadapi cabaran yang bukan hanya ketika krisis, tetapi juga secara proaktif dan berterusan," katanya.

Abdul Karim berkata demikian pada majlis penutup Persidangan Antarabangsa Sarawak mengenai Kesihatan Mental Belia 2025 di sini hari ini.

Beliau berkata berdasarkan laporan antarabangsa, seorang daripada setiap lima remaja mengalami masalah kesihatan mental.

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) dalam beberapa tahun kebelakangan ini juga katanya, menunjukkan peningkatan membimbangkan dalam tahap kemurungan, kebimbangan dan tekanan dalam kalangan belia serta trend itu juga dilihat berlaku di Sarawak.

"Sekiranya kita bertekad untuk melahirkan golongan belia sebagai generasi akan datang yang menjadi pemimpin, profesional, usahawan dan ejen perubahan, kita mesti mulakan dengan memastikan ketahanan mental, kesejahteraan emosi dan keselamatan psikologi mereka," katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA

30 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | PEMBIAYAAN PENUH UNTUK LEPASAN TVET SAMBUNG PENGAJIAN BIDANG KEUSAHAWANAN DI MSU

Pembiayaan Penuh Untuk Lulusan TVET Sambung Pengajian Bidang Keusahawanan Di MSU – Ahmad Zahid

🕒 30/07/2025 06:08 PM



KUALA LUMPUR, 30 Julai -- Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (tiga, kanan) menyampaikan Anugerah Graduan Cemerlang pada Majlis Konvokesyen Kolej Yayasan FELDA Kali Ke-26 Bersempena Sambutan Karnival Mega 3 Dimensi (KM3D) di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), hari ini. Turut kelihatan Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad (empat, kiri) dan Pengerusi FELDA Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek (kanan). --fotoBERNAMA (2025) HAKCIPTA TERPELIHARA

SHAH ALAM, 30 Julai (Bernama) -- Lulusan institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) ditawarkan menyambung pengajian dalam bidang keusahawanan di Management and Science University (MSU) dengan pembiayaan penuh kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata pelaksanaan inisiatif terbaharu itu akan diselaras oleh Majlis TVET Negara manakala Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) bertindak menyediakan pembiayaan kepada pelajar terbabit.

Beliau berkata langkah itu selaras dengan komitmen kerajaan untuk melahirkan usahawan TVET selain memenuhi aspirasi graduan bidang kemahiran berkenaan yang tidak berminat memasuki bidang pekerjaan selepas menamatkan pengajian.

"Bagi tujuan itu, MSU akan mewujudkan satu modul khas kepada lulusan institusi TVET seluruh negara yang berhajat memasuki bidang keusahawanan untuk menyambung pelajaran contohnya, peringkat Diploma Eksekutif.

"Inisiatif ini akan dikoordinasi dengan Majlis TVET Negara serta KUSKOP dengan perincian lanjut akan diumumkan dalam tempoh dua minggu akan datang," katanya pada sidang media di sini.

Terdahulu, Ahmad Zahid yang Pengerusi Majlis TVET Negara melancarkan TVET MSU di universiti itu yang turut dihadiri Presiden merangkap Pengasasnya, Profesor Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid hari ini.

Ahmad Zahid juga meminta MSU meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan kepada 100 peratus pada 2028 berbanding lebih 95 peratus yang direkodkan ketika ini.

Beliau berkata bagi tujuan itu, MSU perlu menambah jumlah kursus yang ditawarkan kepada 200 menjelang 2030 daripada sasaran 100 seperti ditetapkan oleh pengurusan universiti ketika ini.

“Yang pasti, ketika ini kebolehpasaran graduan MSU adalah lebih tinggi daripada 95.1 peratus kadar nasional... saya cabar MSU capai tahap 100 peratus pada 2028 untuk menjadi penanda aras kepada institusi TVET lain.

“Saya yakin MSU akan berada di barisan paling hadapan dalam bidang TVET untuk universiti swasta sekali gus meneruskan kecemerlangan sedia ada dengan keupayaan melahirkan ribuan teknousahawan dalam beberapa tahun akan datang,” katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata kerajaan juga akan menyediakan anugerah atau penghargaan khas kepada mana-mana institusi TVET yang mencapai 100 peratus kebolehpasaran graduan sebagai galakan dalam meningkatkan standard bidang atau kursus ditawarkan susulan permohonan memasuki institusi itu meningkat hingga 229,000 setakat 12 Julai lepas berbanding 25,000 pada 2024.

“Kerajaan beri komitmen, mana-mana institusi TVET yang mencapai kebolehpasaran 100 peratus akan ada anugerah khas kepada institusi berkenaan,” katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA

30 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | BENDUNG AMARAH, SAHSIAH MULIA MAHASISWA PERLU DIBENTUK

Bendung Amarah, Sahsiah Mulia Mahasiswa Perlu Dibentuk



(photograph for illustrative purposes) --fotoBERNAMA (2022) ALL RIGHTS RESERVED

30/07/2025 11:08 AM

Pendapat mengenai pelbagai isu semasa daripada peneraju pemikiran, kolumnis dan pengarang.



Oleh :

Dr Anim Zalina Azizan

Semenjak kebelakangan ini, kebanyakan tragedi yang berlaku dalam masyarakat kita bukan semata-mata berpunca daripada masalah ekonomi atau sosial, tetapi juga daripada kegagalan mengawal emosi, khususnya kemarahan. Tiga insiden yang terjadi sebelum ini menjadi cerminan jelas akan bahaya amarah yang tidak dibendung. Pertama tentang kes kemalangan maut membabitkan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Gerik, kes pelajar membunuh ahli keluarga sendiri di Bukit Rambai, dan kes suami membunuh isteri di Tangkak. Setiap kes ini, walaupun berbeza latar dan konteks, namun ia berkongsi satu benang merah yang sama iaitu kemarahan yang meledak tanpa batas.

Di Gerik, pemandu bas yang ditahan kerana dipercayai terlibat dalam nahas maut tersebut dikatakan menunggu penumpang selama 40 minit, menyebabkan kemarahan terbit di dalam dirinya kerana 'disidai' sebegitu lama. Perasaan marah yang mungkin tidak disuarakan atau ditangani secara waras akhirnya membawa kepada tindakan yang berpotensi membahayakan nyawa iaitu dengan membawa melebihi had laju yang ditetapkan. Lebih tragis lagi, 15 penuntut UPSI yang tidak bersalah menjadi mangsa keadaan.

Di Bukit Rambai pula, seorang pelajar tingkatan lima bertindak di luar kewarasan apabila membunuh ibu dan abang serta mencederakan adik bongsunya. Difahamkan, remaja ini memendam tekanan akibat sering dipaksa belajar dan menyimpan dendam terhadap keluarganya. Di sebalik kisah ini, terbentang satu hakikat yang menakutkan iaitu tekanan dan kemarahan yang tidak ditangani boleh berubah menjadi tindakan yang menghapuskan segala nilai kasih sayang dan kemanusiaan.

Kajian pada November 2024 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menunjukkan bahawa kira-kira satu daripada tiga remaja berusia antara 13 hingga 17 tahun mengalami masalah mental, dengan gejala seperti kemurungan, kecemasan, gangguan stress pascatrauma (PSTD), gangguan bipolar, skizofrenia, gangguan makan, obsessive-compulsive disorder (OCD), gangguan personaliti, fobia, demensia dan tekanan emosi yang berterusan. Selain itu, kajian dalam kalangan pelajar sekolah dari tingkatan satu hingga enam (13 hingga 18 tahun), sekitar Kota Kinabalu dan Kudat Sabah membuktikan bahawa kemahiran pengurusan stres amat penting kerana ia berkait secara langsung dengan kepuasan hidup khususnya bagi golongan remaja atau generasi Z pada masa kini.

Sementara itu, di Tangkak, seorang suami bertindak kejam mengelar isterinya sehingga mati hanya kerana si isteri mengungkit kisah lama. Apakah ini nilai rumah tangga yang kita ingin wariskan? Apakah semudah itu nyawa manusia melayang akibat perkara remeh? Kes keganasan rumah tangga juga pernah dilaporkan, statistik terkini dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan terdapat peningkatan kes keganasan rumah tangga pada tahun lalu berbanding 2023 dan 2022. Pada tahun 2022, sebanyak 6,540 kes telah direkodkan, diikuti dengan 5,507 kes pada tahun 2023 manakala pada tahun 2024, sebanyak 7,116 kes dilaporkan.

Amarah: Emosi Asasi yang Boleh Membunuh

Kemarahan adalah satu bentuk emosi yang normal. Ia hadir sebagai reaksi kepada ketidakadilan, kekecewaan atau provokasi. Namun, apabila ia tidak dikawal, kemarahan boleh menjadi racun kepada akal, mencetuskan tindakan yang tidak rasional dan merosakkan hubungan sosial, malah nyawa. Lebih membimbangkan apabila masyarakat semakin normalisasi amarah dengan alasan tekanan hidup, sedangkan realitinya, pengurusan emosi adalah tanggungjawab individu.

Secara psikologi, kemarahan yang dipendam atau diluahkan secara agresif memberi kesan negatif kepada kesihatan mental dan fizikal seseorang. Ia mengganggu fungsi otak, mengaburi pertimbangan rasional, dan mencetuskan tindakan yang sering dikesali kemudian hari.

Sahsiah Mahasiswa, Perisai Terhadap Ledakan Emosi

Dalam konteks ini, peranan institusi pengajian tinggi menjadi amat penting. Mahasiswa bukan sahaja penuntut ilmu, malah mereka bakal pemimpin dan ejen perubahan masa depan negara. Justeru, pembentukan sahsiah yang seimbang dan kukuh dari sudut emosi, mental dan spiritual amatlah penting.

Malangnya, pengurusan emosi sering kali terpinggir dalam sistem pendidikan tinggi. Pelajar diasak dengan tugas, peperiksaan dan tekanan sosial tanpa dibekalkan kemahiran pengurusan emosi yang mencukupi. Akibatnya, segelintir mahasiswa tewas kepada tekanan, sama ada dengan menyakiti diri sendiri atau orang lain, secara fizikal mahupun emosi.

Sahsiah mahasiswa perlu dibentuk secara holistik. Ini bukan sahaja melibatkan ilmu akademik, tetapi juga penerapan nilai-nilai murni seperti kesabaran, empati, toleransi dan kawalan diri. Mahasiswa perlu dididik untuk mengenali dan mengurus emosi dengan bijaksana. Modul pembangunan sahsiah, bimbingan kaunseling serta aktiviti kesukarelawanan harus menjadi sebahagian daripada budaya kampus. Mahasiswa sewajarnya diberi peluang untuk terlibat dalam aktiviti yang memerlukan kreativiti dan penyelesaian masalah. Mereka juga boleh terlibat dalam acara yang menonjolkan bakat terpendam mereka dalam bidang kebudayaan dan kesenian sebagai salah satu usaha menghilangkan stres.

Membangun Masyarakat Berjiwa Tenteram

Kita tidak mahu melahirkan generasi yang cemerlang akademik tetapi rapuh emosinya. Dalam dunia yang semakin mencabar, mahasiswa perlu dilengkapi dengan daya tahan emosi dan kemahiran komunikasi yang matang agar mereka tidak mudah bertindak di luar kawalan apabila berdepan konflik.

Kejadian-kejadian seperti di Gerik, Bukit Rambai dan Tangkak adalah isyarat jelas bahawa masyarakat kita perlu lebih fokus kepada pembinaan sendiri dan sahsiah. Kita harus mengangkat nilai empati dan penyelesaian konflik secara damai sebagai teras dalam hubungan kekeluargaan, pendidikan dan pekerjaan.

Peranan keluarga, pendidik dan pemimpin masyarakat amat penting dalam menanam benih sahsiah yang baik. Sikap marah bukan untuk disekat sepenuhnya, tetapi untuk dikawal dan diurus. Jika disalurkan dengan betul, kemarahan boleh menjadi pemangkin perubahan positif. Sebagai contoh, mahasiswa yang marah terhadap isu ketidakadilan sosial boleh menggunakan kemarahan itu untuk memperjuangkan hak asasi manusia secara aman dan berstrategi.

Emosi Terbimbing, Masyarakat Terpelihara

Kemarahan adalah fitrah manusia, namun membiarkannya menguasai diri adalah pilihan yang merosakkan. Tragedi-tragedi yang berlaku akibat ledakan emosi tanpa batas harus dijadikan iktibar buat seluruh lapisan masyarakat. Khususnya buat mahasiswa, sahsiah yang unggul bukan sahaja penentu kejayaan peribadi, malah benteng kepada keruntuhan moral dan sosial.

Justeru, pendekatan yang menyeluruh perlu diambil oleh semua pihak termasuk keluarga, institusi pendidikan, dan masyarakat demi membentuk insan yang bukan sahaja cemerlang akademik tetapi juga berjiwa besar, matang dalam emosi, dan tinggi akhlaknya. Hanya dengan itu, kita mampu melahirkan generasi yang benar-benar mampu membawa perubahan yang lestari dan aman dalam masyarakat.

-- BERNAMA

Dr Anim Zalina Azizan ialah Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

BERNAMA

31 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | RMK13: HALA TUJU PENTING PERKASA TVET

RMK13: Hala Tuju Penting Perkasa TVET

🕒 31/07/2025 09:22 PM



Presiden Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran (BELIA MAHIR) Mohammad Rizan Hassan --fotoBERNAMA (2024)
HAK CIPTA TERPELIHARA

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) meletakkan hala tuju penting dalam menaik taraf pensijilan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) ke tahap setara pengajian tinggi sejajar dengan matlamat melahirkan tenaga kerja mahir serta berpendapatan tinggi.

Presiden Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran (BELIA MAHIR) Mohammad Rizan Hassan turut menyambut baik pembentangan RMK13 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim khususnya terhadap komitmen kerajaan dalam memperkasa ekosistem TVET negara.

Beliau turut mengusulkan empat saranan kepada kerajaan bagi memperkasa program berkenaan iaitu 'TVET untuk semua' perlu dikekalkan; pendekatan latihan perlu dipelbagai dan dibiayai secara inklusif; dana latihan dan pembiayaan TVET perlu diselaras di bawah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK); dan PTPK sebagai 'National TVET Fund' - pelabur masa depan tenaga kerja.

"BELIA MAHIR menyeru agar semangat 'TVET For All' dikekalkan dan disemarakkan dengan memastikan akses menyeluruh kepada semua golongan belia terutama Belia NEET (tercicir daripada pekerjaan, pendidikan dan latihan formal)... perkara itu kekal menjadi keutamaan Majlis TVET Negara di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sebagai Pengerusi.

"Selain itu, pendekatan latihan perlu lebih dinamik dan disesuaikan dengan keperluan industri termasuk bentuk latihan yang wajar diperkasa dan diberi pembiayaan ialah Teaching Factory (TEFA), Pembelajaran Berasaskan Kerja dan Program Perantisan," menurutnya dalam kenyataan hari ini.

Mohammad Rizan juga berharap Skim Pembiayaan Perkasa TVET MADANI dan Dana Latihan TVET diletakkan sepenuhnya di bawah pengurusan PTPK dan diselaras oleh Majlis TVET Negara bagi mengelakkan pertindanan pelaksanaan antara 12 kementerian yang terlibat dalam TVET sekali gus memastikan ketelusan serta impak yang maksimum kepada pelatih.

Beliau turut mencadangkan agar PTPK dijenamakan semula sebagai National TVET Fund dengan fungsi yang lebih luas dan strategik merangkumi antaranya pembiayaan peralatan latihan dan pembangunan bengkel pintar serta insentif kepada syarikat yang melatih dan menggaji lepasan TVET.

Mohammad Rizan juga berkata pihaknya kekal komited untuk bekerjasama dengan kerajaan, Majlis TVET Negara, industri dan institusi latihan bagi memastikan setiap dasar dan pelaksanaan dalam RMK13 benar-benar memberi makna kepada masa depan anak muda berkemahiran negara.

MyDigital ID dalam kenyataan turut menyambut baik saranan berkaitan kepentingannya sebagai kunci pengesahan identiti digital tunggal yang selamat dan sah bagi memudahkan akses ke pelbagai kemudahan awam dalam talian supaya lebih cekap serta pantas sekali gus langkah itu selaras dengan usaha kerajaan dalam memperkasa digitalisasi.

"Sehingga kini, sebanyak 45 platform perkhidmatan dalam talian merangkumi perkhidmatan kerajaan dan swasta telah diintegrasikan dengan MyDigital ID dengan jumlah itu dijangka terus melonjak sejajar dengan pelaksanaan berperingkat di seluruh negara.

"Aspek keselamatan pengguna terus menjadi keutamaan dengan sistem yang dibangunkan tidak menyimpan data biometrik serta pengesahan identiti dilakukan secara langsung dengan pangkalan data kerajaan melalui Jabatan Pendaftaran Negara," menurut kenyataan itu.

Ketua Pegawai Eksekutif MyDigital ID Nik Hisham Nik Ibrahim pula berkata fokus utama MyDigital ID adalah untuk berfungsi sebagai sistem kepercayaan digital masa nyata yang bukan sahaja memudahkan urusan rakyat melalui penggunaan meluas malah memperkukuh kedaulatan serta keselamatan digital negara.

-- BERNAMA

BERNAMA

31 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | TADBIR URUS TVET DIPERKUKUH, KADAR BEKERJA GRADUAN LEBIH 95 PERATUS

Tadbir Urus TVET Diperkukuh, Kadar Bekerja Graduan Lebih 95 Peratus

🕒 31/07/2025 07:39 PM



KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Tadbir urus Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) akan diperkukuh menerusi penubuhan suruhanjaya khas bagi mengawal selia institusi berkaitan serta memantau strategi dan inisiatif di bawah Dasar TVET Negara.

Menurut dokumen Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dikeluarkan Kementerian Ekonomi hari ini, kajian mengenai penggubalan akta TVET juga akan dilaksanakan bagi menambah baik tatakelola pendidikan berasaskan kemahiran itu.

"Peluasan tahap pensijilan kemahiran di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia akan dilaksanakan melalui pindaan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 bagi memartabatkan TVET sebagai laluan yang setara dengan laluan akademik dalam sistem pendidikan tinggi negara.

"Selain itu, sistem penarafan institusi TVET akan dibangunkan bagi memastikan kualiti program selaras dengan keperluan industri serta agihan peruntukan yang optimum," menurut dokumen itu.

Dokumen itu juga menyatakan bahawa program TVET akan terus diperkukuh selaras dengan keperluan industri dan penawaran program berkenaan mengambil kira pelaburan berasaskan industri pertumbuhan dan nilai yang tinggi (HGHV) serta sektor strategik dan teknologi termaju.

"Usaha ini akan menyokong keperluan pembangunan bakat yang diperlukan di kawasan pelaburan strategik seperti Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), Taman Teknologi Tinggi Kulim (KHTP) dan Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP).

"Kerjasama antara institusi TVET awam dan industri akan dipergiat melalui perkongsian kepakaran dan teknologi terkini termasuk kecerdasan buatan (AI) dan pembangunan kurikulum serta program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula tenaga pengajar TVET," menurut dokumen itu.

Dokumen itu juga menyatakan penawaran program TVET akan diperluas kepada pelajar tahfiz dan huffaz bagi memartabatkan TVET sebagai platform tahfiz.

Sementara itu, pembelajaran sepanjang hayat (PSH) akan diperkukuh sebagai persiapan menghadapi negara tua menjelang 2043, dengan program PSH untuk warga usia era ketiga ini ditawarkan melalui konsep Universiti Era Ketiga.

"Bagi mengoptimumkan penggunaan sumber, kemudahan awam seperti pusat sukan dan perpustakaan turut digunakan untuk pelaksanaan PSH termasuk pembelajaran secara sendiri atau sesama rakan sebaya.

"Selain itu, tadbir urus berkaitan PSH akan ditambah baik bagi mengarusperdanakan PSH sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan negara," menurut dokumen tersebut.

Mengenai pencapaian RMK12, dokumen itu menyatakan pada tahun lepas kadar bekerja graduan mencapai 92.5 peratus manakala kadar bekerja graduan TVET mencapai 95.6 peratus.

Selain itu, Majlis TVET Negara diperkukuh untuk bertindak sebagai penyelaras tunggal dalam pembangunan bakat TVET sejajar dengan aspirasi Ekonomi MADANI.

"Dasar TVET Negara 2030 telah diperkenalkan pada 2024 dalam usaha untuk memperkukuh ekosistem TVET dan memastikan institusi TVET menawarkan program yang memenuhi keperluan industri.

"Sistem Pengurusan Integrasi Kemahiran Malaysia telah dibangunkan untuk mengintegrasikan data TVET merentasi pelbagai kementerian serta membolehkan permohonan kemasukan pelajar diselaraskan melalui satu saluran dan penarafan tunggal program TVET dilaksanakan," menurut dokumen itu.

-- BERNAMA

BERNAMA

31 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | SKIM PEMBIAYAAN PERKASA TVET, DANA LATIHAN TVET DIPERKENAL GALAK PENYERTAAN BELIA

Skim Pembiayaan Perkasa TVET, Dana Latihan TVET Diperkenal Galak Penyertaan Belia – PM Anwar

🕒 31/07/2025 02:49 PM



Gambar fail Bernama

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan memperkenalkan Skim Pembiayaan Perkasa program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) MADANI dan Dana Latihan TVET bagi menggalakkan penyertaan belia.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata penawaran program TVET juga akan turut diperluas kepada pelajar tahfiz bagi melahirkan huffaz teknokrat MADANI yang mempunyai nilai tambah kepakaran teknikal.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) bertemakan "Melakar Semula Pembangunan" di Dewan Rakyat hari ini.

Selain itu, beliau berkata kurikulum TVET juga akan diperluas merangkumi bidang penuaan dengan insentif khas kepada pelajar yang menjalani latihan industri.

"Program TVET kian mendapat sambutan. Pada 2024 sahaja, sebanyak 212,000 kemasukan baharu ke dalam program TVET direkodkan. Program TVET MADANI akan diperkasakan bagi meningkatkan penguasaan kemahiran yang boleh menjana pendapatan lebih tinggi, termasuk kepada pelajar tahfiz dan huffaz.

"Pada masa sama, tahap pensijilan TVET akan ditingkatkan dengan memperkenalkan tiga tahap kepakaran baharu, enam hingga lapan, supaya setara dengan tahap kelayakan pengajian tinggi di bawah Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). Ikhtiar ini bertujuan memperakui kemahiran tinggi dalam bidang teknikal dan memperluas laluan kerjaya selaras dengan keperluan pasaran," kata beliau.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata lepasan TVET juga menikmati pendapatan yang semakin kompetitif, kebanyakan melebihi paras gaji minimum RM1,700.

"Sebanyak 95.6 peratus lepasan TVET berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat latihan," kata beliau.

Dalam pada itu, beliau berkata kerjasama erat antara institusi TVET dan industri akan menjadi pemangkin kepada perkongsian pengetahuan teknologi dan peningkatan kemahiran seperti yang dilaksanakan Kementerian Pendidikan Tinggi.

"Penawaran program TVET juga akan distrategikan semula, dengan penekanan kepada sektor industri pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (HGHV) dan berasaskan teknologi termaju, sejajar dengan keperluan pasaran buruh bagi menyokong keperluan industri seperti di Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), projek Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP) dan Kulim Hi-Tech Park (KHTP).

"Dalam tempoh RMK13, Malaysia menyasarkan pewujudan 700,000 peluang pekerjaan baharu dalam sektor pembuatan dan 500,000 lagi penciptaan karier dalam bidang ekonomi digital," kata beliau.

-- BERNAMA

BERNAMA

31 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | LAWATAN ZAMBRY KE JEPUN PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK

Lawatan Zambry Ke Jepun Perkukuh Kerjasama Strategik - KPT

🕒 31/07/2025 02:49 PM



Kredit: FB - Kementerian Pendidikan Tinggi

PUTRAJAYA, 31 Julai (Bernama) -- Lawatan kerja Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir ke Tokyo dan Osaka baru-baru ini mencerminkan kesungguhan Malaysia untuk terus meneroka kerjasama strategik dengan negara maju seperti Jepun demi memacu kecemerlangan pendidikan tinggi negara.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam kenyataan hari ini memaklumkan usaha itu selaras dengan pembangunan Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia 2025-2035 yang sedang dirangka.

KPT berkata penekanan kepada bidang keusahawanan teknologi, kecerdasan buatan (AI) dan bidang pendidikan latihan teknikal, vokasional dan kejuruteraan (TVET) berimpak tinggi adalah antara teras utama dalam memastikan mahasiswa Malaysia bersedia menyertai ekonomi masa hadapan yang dipacu inovasi.

Lawatan kerja Zambry adalah atas jemputan Economic Research Institute for ASEAN and East Asia (ERIA) pada 28 hingga 30 Julai lepas bertujuan memperkukuh kerjasama strategik Malaysia-Jepun dalam bidang pendidikan tinggi, penyelidikan, inovasi dan teknologi.

KPT berkata antara pengisian utama lawatan tersebut termasuk pertemuan dua hala dengan Pengerusi Majlis Penyelidikan Dasar Parti Demokratik Liberal (LDP) Jepun dan bekas Menteri Pendidikan, Budaya, Sukan, Sains dan Teknologi Jepun, Koichi Hagiuda yang membincangkan pelbagai isu strategik berkaitan cabaran universiti masa kini serta potensi kerjasama dalam bidang inovasi dan ekonomi kreatif (orange economy).

Zambry turut melawat Universiti Tokyo dan diberi taklimat tentang program AI Startup yang dibangunkan khusus untuk pelajar prasiswazah dan pascasiswazah.

Menurut kenyataan itu, program tersebut telah melahirkan ramai pelajar yang berjaya membina syarikat pemula niaga (startup) berasaskan AI dengan pendapatan tinggi dalam bidang masing-masing.

Inisiatif itu dipacu oleh Matsuo Lab Startup, yang menyediakan bimbingan mentor, ekosistem keusahawanan dan akses kepada teknologi terkini.

"Menteri menyatakan bahawa ini merupakan satu model yang wajar diteroka dan disesuaikan untuk pelaksanaan di Malaysia bagi memperkasakan mahasiswa sebagai pencipta nilai dalam ekonomi masa depan," menurut kenyataan itu.

Selain itu, Zambry turut melawat National Institute of Advanced Industrial Science and Technology (AIST) yang memberi peluang kepada KPT meninjau teknologi terkini dalam bidang semikonduktor, AI dan pengkomputeran kuantum dan turut menekankan kerjasama antara AIST dan institusi penyelidikan Malaysia seperti MIMOS, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

KPT berkata Zambry turut bertemu Presiden Universiti Tsukuba Prof Kyosuke Nagata dan perbincangan memfokuskan kepada pengukuhan kampus cawangan Universiti Tsukuba di Malaysia dan perluasan program ke tahap lebih tinggi termasuk kerjasama dalam bidang High-TVET.

Selain itu, KPT memaklumkan perbincangan awal Zambry bersama Dekan Pusat Kajian Malaysia Universiti Soka Prof Ichiro Sugimoto membuka peluang baharu untuk memperluaskan lagi pusat kajian ini dan juga beberapa kajian berkaitan perbandingan agama serta mewujudkan kerjasama penyelidikan antara Universiti Soka dan universiti tempatan.

Menurut KPT, Zambry berkesempatan melawat Kaneka Osaka Plant, sebuah pusat penyelidikan dan pengeluaran berteknologi tinggi yang berperanan penting dalam pembangunan bahan kimia dan bioteknologi terkini dan membincangkan kemungkinan pertukaran penyelidik dan pelajar antara Malaysia dan Jepun bagi memperkukuh pertumbuhan bakat dalam bidang berteknologi tinggi.

Selain itu, Zambry turut sempat melawat Pavilion Malaysia di Ekspo Osaka yang sedang berlangsung serta bertemu dengan pelajar-pelajar pascasiswazah Malaysia di Tokyo dan menegaskan komitmen berterusan KPT terhadap kebajikan dan sokongan kepada pelajar Malaysia di luar negara.

KPT memaklumkan Minggu Pendidikan Tinggi baru saja melabuhkan tirai pada 26 Julai lepas di Ekspo Osaka dengan tema 'Study in Malaysia', yang berjaya menerima 100,000 pengunjung dalam tempoh enam hari, sekali gus membuktikan sambutan luar biasa terhadap penyertaan Malaysia di pentas antarabangsa.

Ekspo Osaka dianjurkan setiap lima tahun melibatkan penyertaan 158 buah negara dengan kehadiran jutaan pengunjung dari seluruh dunia.

-- BERNAMA

BERNAMA

31 JULAI 2025

BERNAMA ONLINE | PSAS LANCAR STESEN PENGECAS EV PERTAMA DI INSTITUSI POLITEKNIK

PSAS Lancar Stesen Pengecas EV Pertama Di Institusi Politeknik

🕒 31/07/2025 02:48 PM



Kredit: Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)

IPOH, 31 Julai (Bernama) -- Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) melancarkan Stesen Pengecas Kenderaan Elektrik TNB Electron pertama, dalam memperkukuh ekosistem latihan teknologi kenderaan elektrik di bawah inisiatif *Polytechnic Centre of Technology Automotive and Manufacturing* (POLCAM).

PSAS dalam kenyataan hari ini memaklumkan pelancaran tersebut adalah hasil kerjasama strategik antara PSAS dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang dimeterai sejak 2023 dan ia telah membuka jalan kepada pemasangan tersebut, menjadikannya yang pertama dipasang bersama institusi poliktenik di Malaysia.

"Usaha ini selaras dengan agenda nasional memperluaskan penggunaan kenderaan elektrik serta mengukuhkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam bidang teknologi hijau, seiring sasaran Malaysia untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050.

"Dilengkapi pengecas pantas 120kW dwi-nozel, kemudahan ini boleh diakses 24 jam, lengkap dengan parkir EV dan pembayaran mudah alih (*mobile apps*). Ia bukan sahaja memanfaatkan warga politeknik dan komuniti sekitar, malah memberi kemudahan kepada pengguna yang keluar dari lebuh raya utama untuk ke laluan utara-selatan," menurut kenyataan itu.

Majlis pelancaran telah disempurnakan Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Datuk Dr. Mohd Zahari Ismail dan dihadiri pengurusan TNB, pengurusan PSAS, serta rakan industri dalam bidang teknologi automotif dan elektrik pada 29 Julai lepas.

Sementara itu, Mohd Zahari berkata kerjasama berkenaan bukan sahaja melengkapkan ekosistem latihan teknologi kenderaan elektrik POLCAM PSAS, malah memberi nilai tambah kepada pembangunan kemahiran pelajar dalam bidang EV.

“Pendedahan ini membolehkan mereka lebih bersedia memasuki industri automotif elektrik dan tenaga yang boleh diperbaharui, dengan lebih yakin.

“PSAS mengucapkan penghargaan kepada pihak TNB atas kerjasama erat yang membuka peluang kepada pelajar politeknik mengaplikasikan latihan praktikal berkaitan pengecasan dan penyelenggaraan EV di stesen pengecas yang sebenar, selain menyediakan peluang penyelidikan dan pembangunan bersama industri,” katanya.

Turut berlangsung Karnival Kenderaan Elektrik PSAS yang dianjurkan pada 28 hingga 29 Julai lepas, mempamerkan teknologi terkini EV selain sesi pandu uji EV oleh rakan industri, pameran industri automotif elektrik, dan perkongsian ilmu dalam bidang automotif.

-- BERNAMA